# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 24 BILANGAN 29 | RABU 18HB JULAI, 1979. | رابو 22 شعبان 1399 | PERCHUMA


*Mengwujudkan lebeh ramai lagi ahli2 perniagaan raayat bumiputera*

# KERAJAAN BAGINDA AKAN TERUS MEMBERI KEMUDAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam titah di-Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Keshukoran sempena Hari Puja Usia Baginda yang ke-33 tahun di-Lapau menegaskan, bahawa Kerajaan Baginda dengan izin Allah akan terus memberi kemudahan yang munasabah bagi mengwujudkan lebeh ramai lagi ahli2 perniagaan di-kalangan raayat bumiputera di-negeri ini.

Supaya dengan itu, titah Baginda kemakmoran yang di-korniakan oleh Allah s.w.t. kapada negeri ini akan dapat di-nekmati oleh anak2 negeri ini sendiri sa-lain daripada yang di-nekmati oleh orang2 lain yang menyumbangkan usaha mereka dengan jujor.

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam titah itu sa-lanjut-nya menyatakan bahawa usaha untok menimbulkan lebeh banyak lagi kaum peniaga di-kalangan raayat bumiputera itu ada-lah merupakan salah satu daripada persediaan yang Baginda maksudkan supaya ia-nya di-perderaskan pada menempoh hari kemerdekaan pada akhir tahun 1983 nanti.

Menimbulkan harapan demikian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah itu menjelaskan kegembiraan kerana terdapat sa-makin banyak raayat Baginda yang menjalankan usaha2 menchari rezeki yang halal sa-bagai memenohi tanggong-jawab terhadap diri masing2 dan masharakat seluroh-nya.

"Khusus-nya Beta bergembira mengetahui bahawa bilangan raayat bumiputera negeri ini yang mencheburkan diri dalam perusahaan2 kechil dan sederhana ada-lah sa-makin bertambah, yang mana mereka itu mendapat galakan serta bantuan kewangan dari Kerajaan Beta di-bawah ranchangan2 tertentu", titah Baginda.

Dalam istiadat tersebut yang di-jalankan beberapa jam sa-telah istiadat perbarisan di-Padang Besar ibu negeri pagi Khamis, 15hb Julai lepas, Baginda telah menguchapkan terima kaseh kapada semua pegawai dan kaki-tangan Kerajaan Baginda dan pasokan keselamatan negeri ini termasok pasokan bersenjata Baginda Queen yang telah memberikan khidmat yang jujor lagi amanah dan pada menjaga keamanan serta keselamatan negeri ini.

Baginda berharap dengan berkat usaha dan kerjasama dari semua pehak itu, negeri kita akan terus berkembang maju dalam keadaan aman, sejahtera lagi makmor berserta raayat dan pendudok-nya sentiasa berbahagia.

Kebaawh DYMM juga berdo'a mudah2an Allah s.w.t. melindongi negeri kita dan sentiasa mendapat hidayah dari-Nya terutama dalam usaha2 kita menuju

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika bertitah di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kehormatan bersempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun.

## 75 peratus dari Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun telah terlaksana

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lebeh dari 75 peratus ranchangan2 pembenaan telah terlaksana di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang tahun 1979 ini merupakan tahun akhir ranchangan itu.

Di-bawah ranchangan itu berbagai projek jangka panjang maseh lagi berjalan yang akan terus-menerus di-bena menurut keupayaan negeri ini dari satu masa ka-satu masa.

Demikian antara yang di-sembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail di-Istiadat Mengadap sempena menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun yang berlangsong di-Lapau Bandar Seri Begawan pada pagi Ahad lepas.

Antara projek2 yang telah dapat di-laksanakan itu ialah jalan2 raya, bangunan2 awam, perumahan Kerajaan, sekolah2, masjid2 dan jentera2 perhubongan, sementara projek2 yang terus di-usahakan itu ia-lah saperti rumah sakit moden, pembohan Pusat Pengajian Tinggi dan Ranchangan Perpindahan.

Sa-lain dari itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah menyembahkan usaha2 untok melayakkan raayat Baginda dalam menjawat dan menyandang tugas2 pada mengendalikan pentadbiran negara sa-bagai persediaan menempoh hari kemerdekaan yang di-titahkan oleh Baginda itu.

"Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek sa-chara besar2-an terus-menerus menghantar penuntut2 ka-seberang laut sama ada melalui dermasiswa biasa mahu pun latehan-dalam-perkhidmat-an yang mana pada asasnya penghantaran itu seberapa yang boleh dan terupaya ada-lah di-sesuaikan dengan keperluan negara sama ada untok 'faedah2 Kerajaan mahu pun pada pehak swasta", sembah Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dalam usaha ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyembahkan bahawa sekembali-nya penuntut2 itu nanti dengan kelulusan2 yang di-niatkan, Kerajaan penoh berharap

Lihat muka 20



ISTIADAT Bersanding Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dengan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman telah selamat di-langsongkan pada hari Khamis lalu.

Istiadat yang di-hadhiri oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Kerabat2 Diraja dan pembesar2 dari luar negeri itu di-langsongkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana. Berita lanjut dan gambar2 di-Istiadat Bersanding itu di-siarkan di-muka 6 dan 7.

## 370 di-korniakan Bintang2 dan Pingat2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengorniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kapada sa-ramai 370 orang bersempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun.

Penerima Bintang2 dan Pingat2 Kehormatan itu ada-lah terdiri dari Pegawai2 Kanan Kerajaan, Ahli2 Yang Berhormat, Pegawai2 dan Anggota Askar Melayu dan Pulis Diraja Brunei.

Mendahului senarai pengorniaan ia-lah Dato Paduka Swan Thomas Stevenson yang telah di-korniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Pertama — P.S.N.B.

Yang Amat Mulia Pengiran Kesuma Negara Pengiran Muda Chuchu Besar ibni Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim dan Y.B. Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sapiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman masing2 di-korniakan Darjah Paduka

Lihat muka 2

## Niat menimbulkan pengusaha2 tempatan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam titah dari Singgahsana Lapau sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda ke-33 antara-nya telah menimbulkan tentang usaha2 Kerajaan Baginda untok menolong raayat Baginda dalam mencheburkan diri di-arena perusahaan dan perniagaan.

Baginda bertitah bahawa ranchangan untok menimbulkan lebeh banyak lagi kaum peniaga di-kalangan raayat bumiputera negeri ini ada-lah satu daripada persediaan2 yang Baginda maksudkan supaya di-perderaskan pada menempoh hari kemerdekaan yang di-jadualkan, insha-Allah pada akhir tahun 1983 nanti.

Atas perkembangan2 yang menggalakkan dan yang jelas di-lihat dari kemajuan ranchangan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyatakan kegembiraan Baginda terutama-nya bila mengetahui yang bilangan raayat bumiputera di-negeri ini yang mencheburkan diri dalam perusahaan2 kechil dan sederhana ada-lah semakin bertambah atas galakan dan bantuan kewangan dari Kerajaan Baginda.

Melihat kapada perkembangan itu, Baginda Yang Dipertuan bertitah bahawa Kerajaan Baginda akan terus-menerus memberi kemudahan2 yang munasabah bagi menimbulkan lebeh ramai lagi ahli2 perniagaan di-kalangan raayat bumiputera negeri ini supaya kemakmoran yang di-korniakan oleh Allah s.w.t. pada negeri ini akan di-nekmati oleh anak2 negeri sendiri sa-lain daripada yang di-nekmati oleh orang2 lain yang menyumbangkan usaha mereka dengan jujor.

Kegembiraan Baginda melihat kapada perkembangan2 demi untok kemajuan raayat dan pendudok negeri ini, khusus-nya di-bidang perniagaan ada-lah menampakkan dengan jelas betapa Baginda menyimpan hasrat yang besar untok melengkapan raayat Baginda dalam bidang2 yang penting dan sesuai sa-bagai raayat yang akan berada di-bawah lingkongan ubor kemerdekaan.

Untok mendukong niat Baginda yang suchi itu, Kerajaan Baginda telah membuat usaha2 yang positif untok menolong raayat Baginda yang benar2 mahu berusaha dan benar2 mahu menyumbangkan jasa bakti mereka untok negara di-samping memperbaiki penghidupan mereka sendiri.

Kerana itu, di-bawah sekim bantuan kewangan dan pimpinan bagi projek kechil dan sederhana itu di-harapkan akan dapat menampilkan anak negeri yang chekap dan berpengalaman dalam bidang niaga supaya bidang2 ekonomi, penghasilan dan keperluan negara akan dapat di-luahkan oleh anak negeri sendiri.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
18HB JULAI, 1979

Sunggohpun ranchangan ini untok usaha niaga kechil dan sederhana, tetapi niat-nya ada-lah besar terutama pada hasrat untok menimbulkan keupayaan bumiputera di-bidang yang biasa-nya lebeh banyak di-kendalikan oleh bukan bumiputera itu.

Sa-jauh ini, sudah ramai bilangan bumiputera yang telah mendapat bantuan di-bawah sekim tersebut dan sa-bahagian daripada perusahaan2 mereka itu telah berjalan dengan baik. Maka, tentu-lah menjadi harapan Kerajaan dan juga raayat negeri ini, agar mereka yang melibatkan diri di-bawah sekim tersebut akan menempoh kejayaan yang besar dan akan menimbulkan faedah2 yang di-niatkan untok kebaikan kita bersama itu.

## Mengawal keselamatan

DI-SAAT ini, negara kita sedang merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-33 tahun dan pada hari ini kita telah memasoki hari yang ketiga-nya kita keluar beramai2 untok menyaksikan berbagai perayaan yang di-adakan sa-jauh ini.

Kegairahan kita untok menyaksikan sa-tiap achara perayaan yang di-adakan itu ada-lah satu sikap yang sebaik2-nya yang juga di-sifatkan sa-bagai salah satu chara menunjokkan ketaatan kita terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Di-satu sudut yang lain pula bahawa perayaan2 itu masing2 mempunyai peranan yang tertentu sama ada di-sedari atau tidak terutama-nya dalam memperlihatkan sa-suatu yang berhubong rapat dengan identiti bangsa kita yang kemudian-nya tentu-lah di-harapkan akan dapat di-perhatikan dan di-ambil iktibar untok di-jadikan landasan2 hidup yang bersesuaian dengan identiti bangsa kita orang2 Brunei itu.

Dalam pada itu, kita juga mempunyai tanggong-jawab2 yang lain yang juga ada hubongan-nya dengan identiti bangsa kita dari sudut menchintai ketenteraman dan hidup dalam suasana bahagia dan berkeselamatan. Kita memang terkenal sa-bagai satu bangsa yang begitu harmoni dalam kehidupan harian kita kerana negara kita sa-jauh ini ada-lah tetap berseh dari sebarang gejala2 yang burok apa lagi dari kejadian2 yang mengakibatkan kehidupan kita yang harmoni itu terancham.

Terjamin-nya hal2 yang sa-umpama ini ada-lah dengan ujud-nya kerjasama yang begitu erat antara masharakat dan pehak2 pengawal keselamatan saperti pasokan Pulis Diraja kita yang sentiasa menjalankan usaha2 untok menyelamatkan kita dari sa-barang anchaman yang akan membahayakan kebahagiaan hidup kita itu.

Di-sepanjang perayaan ini mithal-nya, pehak2 pengawal keselamatan terutama-nya pehak Pulis terpaksa melipat-gandakan tenaga mereka untok mengetatkan kawalan2 agar keselamatan masharakat terpelihara. Demi melaksanakan tugas2 mereka itu, kita semua sedar betapa mereka itu terpaksa meninggalkan anak isteri dan tidak dapat bersama2 keluarga mereka menyaksikan keindahan2 yang ada di-sepanjang perayaan itu berjalan. Apa yang lebeh penting bagi mereka ia-lah memelihara keselamatan orang ramai supaya tidak di-cheruboh oleh penjahat2.

Dalam hubongan ini, kita kira ada-lah wajar bagi kita menghargai jasa2 mereka itu dan tetap menghormati mereka atas nama mereka selaku benting pertahanan kesentosaan masharakat. Dalam menghargai jasa2 mereka itu, sudah tentu kita tidak dapat memberikan-nya dalam bentok mata-benda dan sa-bagainya, tetapi kita kira ada-lah sudah menchukopi jika kita dapat memberikan jasa baik kita pula dalam membantu mereka mengesankan tugas2 mereka itu. Mithal-nya di-sepanjang perayaan ini, pehak Pulis Diraja Brunei telah mengeluarkan kenyataan untok meminta kerjasama dari orang ramai supaya membuat langkah2 yang perlu dalam memelihara harta-benda mereka. Orang rami di-nasehatkan supaya memastikan yang rumah2 mereka dalam keadaan yang selamat apabila mereka hendak meninggalkan-nya. Barang2 yang dapat di-gunakan oleh penjahat2 untok masok ka-rumah2 saperti tangga, kerusi meja atau tong2 jangan di-simpan di-luar rumah, kerana benda2 yang saperti itu akan memudahkan penjahat2 itu memanjat masok dan menchuri harta benda kita. Demikian juga dengan anak2 kunchi hendak-lah di-pastikan yang ia-nya tidak tinggal tersumbat di-pintu2. Pendek-nya, kita jangan-lah lalai dan leka dengan kesukaan, malah hendak-nya mengutamakan kebahagiaan kita itu supaya tidak di-ganggu.

Pehak Pulis juga telah memberi peringatan kapada orang ramai yang hendak meninggalkan rumah mereka dalam jangka waktu yang panjang supaya mema'alumkan-nya kapada Balai2 Pulis yng berdekatan bagi menyenangkan mereka membantu mengawal rumah itu supaya berkeadaan selamat dan mengelakkan dari di-cherubohi oleh penchuri2 atau kejadian pechah rumah.

Ini ada-lah satu lagi di-antara inisiatif pehak Pulis dalam memelihara ketenteraman masharakat itu dan langkah ini sudah barang tentu di-alu2kan sangat oleh orang ramai.

# Senarai penerima Bintang2 dan Pingat2

Dari muka 1

Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama — P.S.L.J.

Sembilan orang telah di-korniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J. Mereka ia-lah Y.B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking, DSP Awang Abdul Rahman bin Major Abdul Hamid, Awang Charlie Foo Chee Tung, Major Pengiran Dato Paduka Abidin bin Pg Ahmad, Supt. Chua Kong Leng, Supt. Abdul Rahman bin Haji Awang Besar, Supt. Ya'akub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Zainal, YDM Pehin Orang Kaya Seri Rama Dato Paduka Haji Mohammad bin Abdul Momin dan Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Sepuloh orang menerima Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B. Penerima2 itu ia-lah Awang Judin bin Asar, YDM Pehin Sanggamara Askar Diraja Major H. O. P. Hanbury, Pengiran Mohammad bin Pg Haji Ismail, Syed Hussein bin Abdillah Alkaff, Senior Insp. Haji Hamzah bin Haji Mohd Salleh, Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abdul Rahim, Awang Noordin bin Haji Mohd Noor, Awang Hanafiah bin Mohd Ali, Awang Abidin bin Abdul Rashid dan Awang Abdul Hamid bin Jaafar.

Major David Gethin Jones di-korniakan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Ketiga — P.N.B.; Lt Kol. Antony Hugh Francis Wilks di-korniakan Darjah Perwira Agong Negara Brunei Yang Amat Setia Darjah Pertama — P.A.N.B. dan Darjah Perwira Agong Negara Brunei Yang Amat Setia Darjah Kedua — Pa.N.B. di-korniakan kapada Major Michael Green.

Lima orang di-korniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga — S.N.B. Mereka ia-lah Major T.A.L. Glass, Major A.G. Harfield, Awg Hussein bin Hidup, Awg Zakaria bin Jeneh dan Awg Sidek bin Yahya.

Lain2 penerima Bintang2 dan Pingat2 ada-lah saperti berikut: —

**DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA DARJAH KETIGA — S.L.J.**

Awang W.A. Jackson, Major G.A. Middlemiss, Major M.S. Steadman, Major B.F. Williamson, DSP Lim Pang Kit, DSP Pengiran Hamzad bin Pengiran Hj Ismail, DSP Yahya bin Hj Tinggal, DSP Walter Douglas Wayne Boyd, ASP Mohammed Freddie Chong, ASP Abd Rahman bin Haji Tudin, ASP Adenan bin Umar, ASP Chua Pheng Kui, ASP Tajuddin bin Mohd Yusof, Awang Basir bin Mohd Salleh, Awang Haji Kassim bin Haji Mohd Daud Awang Puasa bin Tudin, Awg Abdul Rahman bin Haji Karim.

**DARJAH MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA DARJAH KETIGA — S.M.B.**

Major Tamam bin Haji Jambol, S/Sgt Sulaiman bin Haji Ahad, Mrs Audrey Stafford, Cpt A.A.A. Beattie, WO I B Doran-Thorp, WO I A.J. Jacques, WO II R.I. Adcock, WO I Amat bin Haji Nayan, Awg Othman bin Hj Awang Damit, Capt Mohd Yusof bin Abu Bakar, WO I Sulaiman bin Ahmad, WO II Ismail bin Arsad.

Chief Insp Abu Bakar bin Dato Seri Laila Jasa Sheikh Haji Othman, Senior Insp Colin Chong Choo Kee, Senior Insp Mohd Rakawi bin Serang Mohammad, Insp Abdullah bin Ishak, Insp Mohd Ali bin Umar, Insp Abu Talip bin Abd Majid, Serjan Major 89 Adam bin Abd Rahman, Dk Iring bte Pengiran Haji Petra, Awang Zaidin bin Haji Awang, Awang Jublee bin Jumat, Awang Abu Bakar bin Awang, Awang Ali bin Rimong.

**DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA DARJAH KE-EMPAT — P.J.B.**

Sgt Muslim bin Haji Metali, S/Sgt Bakar bin Sapar, S/Sgt Awang Saman bin Md Taha, Awang Zabidi bin Bakar, Awg Alihassan bin Tengah, Awang Berikut bin Anggut.

**DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHGIA DARJAH KE-EMPAT — P.S.B.**

S/Sgt Damit bin Puasa, S/Sgt Johari bin Juma'at, S/Sgt Sahidi bin Muhamad Yussoff, S/Sgt Sulaiman bin Suhaili, S/Sgt Umar bin Laman, Sgt Muslim bin H Metali, WO II T.E. Holland, WO II A.S. Cross, WO I J. Martin, WO I G.M. Wilson, WO II A.J. Furmidge, WO II E. Hollingsworth, WO I A.J. Biles, WO I R. England, WO I S.C. MacIntyre, WO II T.W. Clark.

WO II C.E. Davenport, WO II J.T. Doran, WO II Abd Hamid bin Haji Tengah, WO II Abdul Rajab bin Bakar, S/Sgt Bujang bin Hamid, WO II Mohammed Hendry bin Ali Mustaffa, Sgt Lakim bin Jumaat, Cpl Abd Rahman bin Shamsudin, Sgt 106 Pengiran

Lihat muka 17



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengorniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B. kapada Awang Judin bin Asar (atas) dan YDM Pehin Sanggamara Askar Diraja Major H.O.P. Hanbury.



# MASSIVE ROYAL BIRTHDAY PARADE MARKS START OF STATE-WIDE FESTIVITIES

BANDAR SERI BEGAWAN. — A colourful parade held at the padang here on Sunday heralded the start of state-wide celebrations in honour of His Highness the Sultan's thirty-third birthday.

The parade was watched by thousands of people who ringed the padang and thousands more saw it live on television at home.

Commanded by Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Dato Seri Laila Jasa Major Ishak bin Haji Abdul Hamid, it consisted of contingents from the First Battalion, Royal Brunei Malay Regiment, the Tenth Princess Mary's Own Gurkha Rifles, the Royal Brunei Police Force, the Police Saluting Gun Unit.

Also on parade were His Highness the Sultan's Colour, the Regimental Colour and Police Royal Standard.

The civilian part of the parade was provided by detachments from the Cadets Royal Brunei Malay Regiment and the Royal Brunei Police Force, the Fire Brigade, the Marine Department, the Customs Department, the Immigration Department, the Red Cross Society, the Boy Scouts and Girl Guides movements, the Boys Brigade, schools and colleges.

A composite band made up of the Royal Brunei Malay Regiment and the Royal Brunei Police bands was in attendance.

The parade started around seven o'clock with the arrival of schoolchildren and other civilian participants followed by invited guests and state dignitaries.

His Highness the Sultan arrived at eight o'clock, took the royal salute from the royal dais and shortly after, inspected the parade.

His Highness first inspected the guard of honour mounted by officers and men of the Regiment, the Gurkha Rifles and the Police Force and then reviewed the civilian organisations.

After His Highness's inspection of the parade, the participants, preceded by the composite band marched past the royal dais from where His Highness again received the royal salute.

The march past completed, the Police Saluting Gun Unit began to fire a 21-gun salute at ten-second intervals in coordination with Feu-de-Joie from the guard of honour. The Royal Brunei Malay Regiment's Air Wing then staged a flypast.

This was followed by proclamations of Daulat Tuanku from the participants.

Among those present at the parade were His Excellency the British High Commissioner Mr Arthur Watson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, the State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, Legco members, Pengirans, Pehins, community leaders, heads of government departments and other senior government officials.

Shortly after the parade, an obeisance and investiture ceremonies were held at the nearby Lapau.

The obeisance ceremony started with the Mentri Besar reading his congratulatory message and pledging loyalty on behalf of the Government and people of Brunei.

He was followed next by the High Commissioner who read his congratulatory message on behalf of the British Government and people, and Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir who read his on behalf of the Royal family, Wazir, Cheterias, Pehin Manteris including the "Manteris Pendalaman".

Scrolls pledging loyalty were also presented by leaders of the various communities, associations and others in the State.

His Highness the Sultan then delivered his speech from the throne.

After a brief rest, the investiture ceremony was held.

The ceremonies were attended, in addition to the dignitaries who were at the parade earlier, by Her Highness the Raja Isteri and other members of the royal family.

Later that evening, a state banquet and another investiture ceremony were held at the Istana Darul Hana.

The investiture ceremony was followed by the State Silat and Kuntau (Malay martial arts) Championships.



Awang Haji Jaya presenting the trophy to the individual winner, Awang Zainal.

## Sarawak man wins race

BANDAR SERI BEGAWAN. — A Sarawak cyclist, Awang Zainal bin Hassan, emerged champion in the individual section of the Kuala Belait to Bandar Seri Begawan bicycle race held last Sunday morning.

The 72-miles race started from the Kuala Belait Recreation Club padang and ended at the Youth Centre here with Awang Zainal clocking the distance in three hours eighteen minutes and twenty-four seconds, bettering last year's record by three minutes and zero point five seconds.

Second in this section was Awang Osli bin Haji Mohammad Noor and third was Awg Asmara bin Narawi, also from Sarawak.

In the team section, Tuff Kote 'A' and Tuff Kote 'B' won the first and second prizes respectively, while a team from Sarawak got the third prize.

Prizes were presented by the Chief Training Officer at the Establishment Department Awg Haji Jaya bin Haji Abdul Latif, who is also the President of the Brunei State Youth Council.

Awang Zainal received a trophy and a return air ticket to Manila donated by the Brunei Malay Teachers Association, while Tuff Kote 'A' team received four return air tickets, one each for team member, contributed by Royal Brunei Airlines, as well as a trophy.

The race, organised annually by the Brunei Amateur Cycling Association as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations, attracted more than ninety cyclists from Brunei, Sabah and Sarawak.



The royal couple at their Bersanding ceremony.

# Foreign VIPs at Royal Wedding

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Bersanding ceremony of His Highness the Sultan's sister, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah and Yang Mulia Pengiran Kamarulzaman bin Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali was held last Thursday at the Istana Darul Hana here.

The ceremony, highlight of many days of traditional festivities befitting a royal marriage, took place in the presence of Their Highnesses the Sultan and the Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan and the Suri Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir and Pengiran Anak Isteri and other members of the royal family, and members of the bridegroom's family.

Also present were foreign and local dignitaries who included a Malaysian delegation headed by the Prime Minister Datuk Hussein Onn and Datin Suhaila, the Singapore Prime Minister Mr Lee Kuan Yew and Mrs Lee, the former Chief Minister of Sabah Tun Datu Haji Mustapha, the British High Commissioner Mr Arthur Watson and Mrs Watson, the Yang Teramat Berhormat General Adviser to the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the State Secretary Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, Pehins, community leaders and senior government officials.

In accordance with tradition, the royal couple was led in procession around the capital where they were greeted by thousands of people who lined both sides of the route.

## SEPS wins Traffic Game

KUALA BELAIT. — The Seria English Preparatory School won the Traffic Game held at Jalan Sungai here last week.

The Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah Religious School in Seria won the second prize.

The game, aimed at instilling road safety consciousness into the public, was organised by the Brunei Shell Company in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations.

Ten preparatory schools in the Belait District took part in the game which was declared open by the Administrative Officer at the District Office here, Awang Abdul Ghani bin PDPD Haji Abdul Rahim, while the prizes were given away by his wife, Dayang Jaliha bte Bujang.

The Seria English Preparatory School will represent the district in the state-level traffic game competition to be held in Bandar Seri Begawan later this year.

## Beware of burglars

BANDAR SERI BEGAWAN. — Members of the public are reminded to beware of burglars who may be tempted to take advantage of the current festivities to break into unguarded homes.

The police have advised people, particularly house owners, to ensure that their doors and windows are securely locked when going out at night.

House owners are also advised not to leave ladders or any other such objects lying around outside, which could be helpful to burglars.

The police said people who want to go away for a long spell should inform the nearest police station so that police patrols can watch their homes while they are away.



Although only seven-year-old, Awang Irwan bin Mohammad Said, seen above receiving his prizes from the Director of Welfare, Youth and Sports Department, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussin, was easily the most popular of the young singers in the Bintang Kechil 1979 judging from the enthusiastic applauses he got from the large audience during and after his performance, and again while receiving his prizes.

Awang Irwan who was third comes from the Tutong District and was among twelve young talents from the four districts competed in the final of the Bintang Kechil 1979 held last week at the Dewan Raya of Radio Television Brunei here.

The contest organised for the second time by Radio Television Brunei was won by Dayangku Monira binte Pengiran Mohiddin from the Brunei Muara District, while the second prize was won by Awang Abdul Aziz bin Abdul Hamid from the Tutong District.

# Raayat menekmati kemudahan yang di-sediakan — M.B.

**SABDA sepenoh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin di-Istiadat Mengadap bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-33 tahun.**

MENGADAP Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patek, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengorniakan kebahagiaan pada hari yang bertuah ini, amin ya rabbal 'alamin.

Ampun beribu ampun, sembah patek junjong di-ampun: Patek bagi pehak seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek, raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam pada hari yang amat bahagia lagi di-berkati Allah Subhanahu Wata'ala ini ia-itu bersempena hari ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Tuan Patek Kali Yang Ke-33 dan tahun ke-13 dudok di-atas Takhta Kerajaan Negeri Brunei serta Jajahan Taklok, Rantau dan Pesisir-nya, dengan hati yang puteh lagi hening yang penoh dengan keshukoran menyembahkan uchap tahniah kehadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patek dengan di-iringi oleh do'a mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengorniakan kebahagiaan, keharmonian dan sehat-walafiat kapada Kebawah Duli Tuan Patek serta Keluarga Diraja yang amat di-hormati.

Alhamdulillah, dengan kornia-Nya jua dan dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patek, raayat dan pendudok Negeri ini telah dapat dalam 12 bulan yang lalu menekmati beberapa kemudahan yang telah di-sediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek pada mana nekmat2 itu telah dapat di-rasai oleh seluroh raayat dan pendudok Negeri ini dalam keadaan aman damai, bahagia dan harmoni yang mana keadaan2 saperti ini dengan tidak shak lagi membayangkan hasil kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Tuan Patek dengan keberkatan yang di-korniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana, alhamdulillah, semakin ramai dan luas lagi raayat dan pendudok Negeri ini berduyun-duyun serta berlumba-lumba dengan penoh khusu' menuju serta mengasaskan segala usaha dan tenaga mereka atas asas2 Ugama Islam; ugama yang maha suchi itu.

Alhamdulillah, raayat dan pendudok Negeri ini dalam masa yang begitu singkat telah dapat menekmati dan menyaksikan beberapa projek yang berkebajikan yang telah dapat di-laksanakan yang mana projek2 ini ada-lah di-antara-nya yang mendatangkan faedah sechara langsong dan ada pula yang di-ator untok faedah2 jangka panjang.

Tahun ini, ia-itu tahun 1979 merupakan tahun terakhir bagi perlaksanaan ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang mana, alhamdulillah, dari segi ranchangan2 pembenaan yang di-lancharkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek dapat-lah di-katakan lebeh daripada 75% telah terlaksana dan yang lain-nya itu adalah merupakan projek2 jangka panjang yang mana, insha Allah, akan terus menerus di-bena menurut keupayaan Negeri ini dari satu masa ka-satu masa. Jalan2 raya, bangunan2 awam, projek2 perumahan Kerajaan, sekolah2 dan mesjid2 serta jentera2 perhubongan ada-lah antara-nya projek2 yang telah dapat di-laksanakan itu. Projek2 saperti rumah sakit moden, penubohan Pusat Pengajian Tinggi, Ranchangan Perpindahan, ada-lah satu2-nya, insha Allah, akan terus di-usahakan yang mana projek2 saperti ini hendak-lah di-sifatkan ibarat ayer sungai yang sentiasa mengalir tidak putus2-nya dan sentiasa pula memberi faedah kapada semua yang memerlukan-nya.

Selain daripada itu sabagai satu persediaan bagi menempoh hari kemerdekaan yang Kebawah Duli Tuan Patek telah titahkan itu dan pada melayakkan raayat Kebawah Duli Tuan Patek untok menjawat dan menyandang tugas2 pada mengendalikan pentadbiran negara, alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek sechara besar-besaran terus-menerus menghantar penuntut2 ka-seberang laut samada melalui dermasiswa biasa mahu pun latehan- dalam- perkhidmatan yang mana pada asasnya penghantaran itu seberapa yang boleh dan terupaya ada-lah di-sesuaikan dengan keperluan negara samada untok faedah2 Kerajaan mahu pun pada pehak swasta. Ka-arah ini sekembali-nya penuntut2 itu nanti dengan kelulusan2 yang di-niatkan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek penoh berharap dan memerlukan supaya pehak2 swasta tidak akan keberatan untok menerima mereka

Lihat muka 17

# KEMUDAHAN2 AKAN TERUS DI-BERIKAN KAPADA RAAYAT

**TITAH sepenoh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun yang berlangsong di-Lapau pada hari Ahad, 15hb Julai.**

ALHAMDULILLAH dengan mendahulukan selawat serta salam bagi Nabi Besar kita Muhammad s.a.w., kaum keluarga, sahabat2 dan pengikut Baginda yang sentiasa taat serta tabah sa-hingga kakhir zaman.

Beta sa-sunggoh-nya bergembira serta berterima kaseh yang tidak terhingga atas segala uchapan selamat yang telah di-lafadzkan di-istiadat ini pada mana merupakan mendo'akan Beta bersempena Hari Keputeraan Beta kali yang ke-33.

Istemewa Beta menguchapkan terima kaseh pada Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei yang melafadzkan uchap selamat bagi pehak Baginda Queen dan raayat British di-negeri ini. Mudah2an persahabatan erat berkerjasama di-antara negeri kita Brunei dengan United Kingdom akan terus menerus berkekalan pada membawa faedah dan kebajikan kapada kedua-dua belah pehak yang berkenaan.

Kapada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar serta YAB Menteri Besar dan wakil2 kaum dan badan2 kebajikan sa-kali lagi Beta menguchapkan penghargaan yang sa-tinggi2nya dengan do'a mudah2an segala isi kandongan uchapan selamat dan rasa hati yang begitu mesra di-kalangan raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam ini akan di-terima oleh Allah s.w.t. sa-bagai amalan saleh dan di-korniakan-Nya dengan balasan yang sa-imbang.

Alhamdulillah, nampaknya sa-makin banyak raayat Beta yang di-kasehi dan pendudok negeri ini yang menjalankan usaha pada mendapatkan rezeki yang halal sa-bagai memenohi tanggong-jawab terhadap keluarga masing2 dan terhadap masharakat am-nya. Khusus-nya Beta bergembira mengetahui bahawa bilangan raayat bumiputera negeri ini yang mencheburkan diri dalam perusahaan2 kechil dan sederhana adalah sa-makin bertambah, yang mana mereka itu mendapat galakan serta bantuan kewangan dari Kerajaan Beta di-bawah ranchangan2 yang tertentu.

Dan Beta telah di-fahamkan perusahaan2 yang mereka sedang usahakan itu boleh-lah di-katakan meliputi beberapa mata pencharian yang di-redhai Tuhan.

Inshaallah Kerajaan Beta akan terus menerus memberi kemudahan2 yang munasabah bagi menimbulkan lebeh ramai lagi ahli2 perniagaan di-kalangan raayat bumiputera negeri ini supaya kemakmoran yang di-korniakan oleh Allah s.w.t. pada negeri ini akan di-nekmati oleh anak2 negeri sendiri sa-lain daripada yang di-nekmati oleh orang2 lain yang menyumbangkan usaha mereka dengan jujor.

Ranchangan untok menimbulkan lebeh banyak lagi kaum peniaga di-kalangan raayat bumiputera negeri ini ada-lah satu daripada persediaan2 yang Beta maksudkan supaya di-perderaskan pada menempoh hari kemerdekaan yang di-jadualkan, inshaallah pada akhir tahun 1983 nanti.

Bersempena hari yang berbahagia ini Beta sukachita menchatitkan uchapan terima kaseh dan penghargaan Beta kapada semua pegawai dan kaki-tangan dalam Kerajaan Beta, kapada anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pulis Diraja Brunei dan kapada ahli2 Jabatan Keselamatan dan Perisek di-atas khidmat dan usaha mereka yang jujor lagi amanah.

Beta juga tidak lupa menguchapkan terima kaseh serta penghargaan Beta kapada pasokan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen di-atas kerjasama yang di-hulorkan-nya terhadap mempertahankan keselamatan dan keamanan Negeri Brunei. Mudah2an dengan berkat usaha dan kerjasama oleh semua pehak dalam Negeri Brunei, maka negeri kita yang di-kasehi ini akan terus menerus berkembang maju dalam keadaan aman, sejahtera lagi makmor, dan raayat serta pendudok-nya sentiasa berbahagia.

Dan Beta berdo'a mudah2an negeri kita Brunei Darussalam ini akan sentiasa di-perlindongi oleh Allah s.w.t. dan sentiasa pula mendapat hidayah dari-Nya terutama sa-kali dalam usaha2 kita sekalian pada menuju ka-arah chorak hidup Islam yang di-redhai-Nya yakni berasaskan unsor2 yang menyatu-padukan seluroh raayat dan pendudok negeri ini. Supaya segala isi di-dalam negeri ini akan dapat hidup dengan aman damai tenteram.

Di-atas unsor2 yang suchi ini-lah insha Allah perhubongan Negeri Brunei dengan jiran2-nya dan dengan mana2 negara yang lain yang baik terhadap Negeri Brunei akan sentiasa di-asaskan.

Sekian wabillahi taufik wal-hidayah, wassalam-warahmatullahi-wabarkatuh.

# *Perjanjian Kerjasama Brunei-Britain eratkan persahabatan kedua buah negara*

**SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah bagi mewakili Wazir2, Kerabat2 Diraja Cheteria2 dan Pehin2 Manteri.**

DENGAN nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Pengasehani, dan segala puji teruntok kapada-Nya, salawat serta salam kapada Nabi Muhammad s.a.w. dan kapada sekalian sahabat dan pengikut2 Baginda yang setia hingga kakhir zaman.

Ampun beribu ampun, di-saat yang bahagia dan gemilang ini patek sa-bagai wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Manteri2 sekalian dengan perasaan khusuk dan tawadhuk mempersembahkan sembah keshukoran dan tahniah, pada hari ulang tahun Keputeraan yang ke-33 bagi Kèbawah Duli Paduka Kekanda, DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam serta sekalian jajahan taklok rantau dan pesisir-nya.

Ampun beribu ampun, dengan berkat dan daulat serta kebijaksanaan pimpinan yang ikhlas Kebawah Duli Paduka Kekanda dan Kerajaan Paduka Kekanda, maka raayat Negeri Brunei Darussalam sangat2-lah menjunjong tinggi akan kejayaan yang telah di-chapai oleh Kebawah Duli Paduka Kekanda dalam perundingan dengan Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Queen sa-hingga selamat sempurna-nya di-tanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom pada 7hb Januari 1979, jam 2.00 petang di-Lapau Bandar Seri Begawan yang lalu.

Peristewa yang amat bersejarah itu sangat2-lah mengembirakan hati raayat Kebawah Duli Paduka Kekanda dan juga pendudok yang tinggal dan bernaong di-Negeri Brunei Darussalam ini.

Kerana Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom yang telah di-tanda-tangani itu ada-lah merupakan satu sejarah yang baru dalam perhubongan di-antara Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dengan Kerajaan Paduka Kekanda. Yang mana sunggohpun Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama itu akan membolehkan Negeri Brunei menchapai sa-mula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh merdeka lagi berdaulat dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Tetapi ia juga bertujuan untok meneruskan serta memperkukohkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang mesra lagi rapat yang terjalin lebeh dari satu kurun di-antara Kerajaan negeri Brunei dengan Kerajaan United Kingdom.

Memang-lah di-sedari bahawasa-nya kemerdekaan akan menambahkan lagi bebanan dan tanggong jawab kapada raayat dan pendudok Negeri Brunei, khas-nya pegawai2 yang di-amanahkan untok mengendali dan menguruskan pentadbiran Kerajaan Negeri Brunei.

Tetapi alhamdulillah dengan ada-nya kesedaran dan ranchangan2 yang lebeh awal yang telah di-susun bagi mengadakan persiapan2 dan persediaan2 yang berhubong dengan-nya, maka ada-lah di-perchayai bahawa keperluan2 dalam berbagai-bagai lapangan akan dapat di-perolehi dalam tempoh lima tahun yang akan datang itu.

Maka patek sa-bagai wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Manteri2 sekalian dengan ini menyembahkan tahniah yang sa-tinggi2-nya di-atas kejayaan Kebawah Duli Paduka Kekanda dalam perundingan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama tersebut sa-hingga ia selamat sempurna di-tanda-tangani dengan jaya-nya.

Lihat muka 17




# BERTEGOH HATI PADA UGAMA

DALAM berugama kita ada-lah di-kehendaki supaya bersunggoh-sunggoh, ia-itu bersunggoh-sunggoh pada meyakini kebenaran dan kebaikan ugama. Ada pun meyakini kebenaran dan kebaikan ugama itu termasok-lah mengikhlaskan diri sa-penoh-nya kapada mematohi ajaran2 Allah dengan melakukan seruan2-Nya serta meninggalkan larangan2-Nya.

Tegas-nya, dalam berugama, kita ada-lah di-kehendaki supaya berpendirian tegoh, ia-itu tegoh pada pegangan keugamaan dan bukan dengan chara mengikut-ngikut angin.

Di-sebutkan dalam suatu riwayat, bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w. ramai orang2 Arab pendalaman (orang2 Badawi) telah datang ka-Madinah berhijrah dari tempat tinggal mereka di-pendalaman bagi menyertai Rasulullah s.a.w. dan orang2 Islam. Salah sa-orang daripada mereka itu apabila mendapati hidup-nya di-Madinah itu bertambah baik saperti mithal-nya isteri-nya melahirkan anak lelaki dan harta-nya bertambah, maka beriman-lah ia serta tenteram-lah hati-nya dengan mengatakan: "Semenjak aku masok Ugama Islam ini tiada-lah aku di-timpa kesusahan!" Tetapi orang itu juga telah bersikap sa-balek-nya ia-itu pada waktu Madinah dalam kepahitan disebabkan kurang-nya hasil permakanan sa-hingga ramai yang menghadapi kebuloran, dan isteri-nya pula melahirkan anak perempuan, harta-nya habis serta lambat pula menerima bantuan sedekah, maka mengeloh-lah dia dengan mengatakan kapada Nabi Muhammad s.a.w.: "Semenjak aku masok ugama mu aku di-timpa kesusahan",—lalu dia pun berpaling tadah keluar daripada Ugama Islam.

Orang yang sa-demikian itu di-sifatkan oleh Allah sa-bagai orang yang berugama "di-tepi2" sahaja, ia-itu tidak dengan sunggoh2 dan berpendirian tegoh. Firman Allah mengenai orang itu ia-lah saperti di-sebutkan dalam ayat 11 Surah Al-Haj yang terjemahan-nya berbunyi: *"Dan di-antara manusia itu ada yang menyembah Allah di-tepi2 (yakni: tidak dengan bersunggoh-sunggoh dan berpendirian tegoh), maka apabila dia di-timpa kebaikan senang lenang-lah hati-nya, dan apabila dia di-timpa chubaan dia lantas berpaling tadah. Dia (yakni orang yang sa-demikian itu) mendapat kerugian dunia dan akhirat. Itu-lah kerugian yang nyata".*

Begitu-lah suatu chontoh daripada banyak chara dan sikap orang2 yang tidak bersunggoh-sunggoh berugama, tidak berpendirian tegoh menghadapi chubaan2. Itu chuma sa-kadar chontoh betapa ada orang yang memasoki Ugama Islam dan mengakui kebaikan2-nya manakala dia mendapati nasib-nya beruntong dalam ugama itu, dan segera pula keluar daripada Ugama Islam manakala dia mendapati nasib-nya malang. Sa-benar-nya tidak sedar, tidak insaf bahawa keberuntongan atau kemalaratan bukan-lah khusus bagi sa-suatu gulongan ugama. Keberuntongan atau kemalaratan itu sa-bagaimana ada kala-nya berlaku di-kalangan orang2 yang berugama berlaku juga di-kalangan orang2 yang tidak berugama. Dan itu ada-lah chubaan atau memang di-senghajakan oleh Allah bagi menguji ketabahan sa-suatu pehak dalam mempergunakan keberuntongan itu sa-baik2-nya atau mengatasi kemelaratan itu dengan ikhtiar yang di-sertai terus dengan keyakinan kapada Allah.

Jika sikap orang yang baharu memelok Ugama Islam hanya berugama di-tepi2 sahaja itu di-chela oleh Allah s.w.t. dan di-sifatkan-Nya sa-bagai suatu kerugian yang nyata, ia-itu rugi dunia dan akhirat: Maka insaf-lah wahai saudara2 saugama bahawa kita yang sedia Islam ini juga akan terchela dan di-murkai Allah dengan menimpakan kerugian dunia dan akhirat, sa-andai-nya kita tidak berpendirian tegoh, tidak mengikhlaskan diri sa-penoh-nya kapada mematohi ajaran2 Allah dan tidak meyakini sa-penoh-nya akan kebenaran2-nya dan kebaikan Ugama Allah.

Memang dalam hidup ini, kita sentiasa terchabar dan tergugat. Pendirian kita terhadap ajaran ugama sentiasa terchabar, keyakinan kita terhadap kebaikan ajaran2 ugama sentiasa tergugat. Lihat-lah sahaja kapada sa-tengah2 perkara sekarang ini, di-mana umpama-nya kemundoran orang2 Islam, kechichiran orang2 Islam di-berbagai-bagai bidang hidup chuba di-kaitkan sa-bagai berpuncha daripada ajaran2 Islam atau kerana mereka itu terkongkong oleh batas2 hukum Allah. Dan lihat-lah lagi umpama-nya sa-tengah2 perkara sekarang ini, di-mana perchubaan sedang dan telah di-lakukan bagi memalingkan pegangan keislaman dengan semboyan menyesuaikan dengan keadaan zaman.

Soal-nya ada-kah kita sedar dan ada-kah orang2 yang menchuba memalingkan itu sedar bahawa sa-jauh mana-kah sudah ajaran Allah di-amalkan dengan luas-nya oleh orang Islam sa-hingga kita orang Islam ini di-chap mundor dan terchichir kerana berpegang kuat kapada ajaran2 Allah. Tidak payah jauh2, dalam perkara ibadat sahaja, apa-kah orang Islam yang di-katakan terkongkong oleh ajaran2 ugama itu sudah benar2 kuat beribadat? Tanya-lah diri kita mithal-nya: Berapa jam dalam sa-hari kita dudok di-tikar sembahyang? Berapa jam pula kita sudah beriktikaf di-masjid atau di-surau? Meluangkan masa untok kerja2 kebajikan? Hukum2 Allah yang macham mana-kah sudah kita kuat-kuasakan? Ya! tanya-lah dengan ikhlas berbagai-bagai perkara lagi kapada diri kita sendiri. Tentu-lah kita mendapati bahawa belum sa-suku masa sa-hari kita di-untokkan di-masjid2 atau di-surau2 atau pun di-tikar sembahyang di-rumah. Belum sa-suku daripada masa lapang kita di-luangkan untok kerja2 kebajikan. Dan belum pun ada hukum2 Allah dalam perkara jenayah dan muamalat yang telah di-kuat-kuasakan sa-penoh-nya. Semua itu belum dan belum, jadi belum-lah tepat untok di-katakan bahawa kita ini mundor dan maseh terchichir juga dalam kita konon-nya mengikut dan menyesuaikan dengan keperluan zaman, dalam kita konon-nya beramal mengikut amalan2 orang yang di-pandang berkemajuan.

Banyak perkara yang menyebabkan kita mundor. Dan oleh kerana hidup ini bukan ibarat jalan sa-hala tetapi sa-balek-nya jalan yang berbagai-bagai hala dan mempunyai lorong yang banyak, maka banyak hal yang boleh mengalehkan perhatian kita daripada melihat jalan di-hadapan dengan sa-jelas2-nya. Maka begitu-lah hal-nya apa yang di-katakan kemundoran itu, kita tidak dapat melihat dengan jelas oleh kerana perhatian kita di-alehkan daripada masaalah sa-benar yang menjadi puncha-nya.

Soal-nya yang pasti ia-lah sa-bagai orang yang sedia berugama, sedia di-dalam Ugama Islam, kita jangan-lah pula berugama itu di-tepi2 sahaja ia-itu berugama menurut angin, kerana sa-demikian itu-lah sa-benar-nya yang boleh merugikan kita di-dunia dan di-akhirat juga.

# MELAKUKAN SA-SUATU KEBAIKAN

**Bingkisan minggu ini**

PENGALAMAN menunjokkan bahawa sa-tiap trajedi yang menimpa diri ada-lah akibat dari olah tangan sendiri. Ini memang-nya tidak dapat kita sangkalkan lagi kerana sa-tiap apa yang kita lakukan itu akan kita terima akibat-nya sa-bagaimana yang kita lakukan. Ini terpulang-lah kapada diri sendiri; kalau kita membuat sa-suatu yang baik, akan kita terima hasil yang baik. Begitu jua sa-balek-nya, kalau kita membuat sa-suatu yang tidak baik dan bertentangan pula dengan ajaran2 Ugama Islam, tentu-lah diri sendiri jua yang akan menerima akibat2 yang tidak baik.

Dalam hal ini, chuba kita bayangkan apa reaksi masharakat jika kita senantiasa membuat perkara2 yang berkebajikan? Tentu-lah serba sedikit akan meninggalkan sa-suatu yang 'manis.' Tapi apa pula hal-nya kalau kita senantiasa membuat olah yang tidak tentu, yang bertentangan dengan prinsip keislaman dan prinsip kemanusiaan? Tentu-lah akan meninggalkan sa-suatu yang tidak baik. Disamping tidak menjadi bebanan pada diri sendiri, ia juga akan menjadi bebanan masharakat.

Memperkatakan tentang membuat sa-suatu yang tidak baik ini pepatah ada mengatakan, 'siapa yang makan lada, dia-lah yang terasa pedas-nya'. Hal ini memang-nya benar, dengan sebab kita melibatkan diri pada sa-suatu perkara itu, maka-nya kita mesti menanggong apa2 yang telah kita buat itu. Mengambil hak orang lain mithalan-nya, kalau-lah dalam masa kita melakukan perkara ini, kita kedapatan, tentu-lah kita akan menerima hukuman sa-timpal dengan apa yang telah kita lakukan itu.

Dengan ini terang-lah sudah kapada kita sa-tiap akibat itu ada-lah hasil daripada olah tangan sendiri. Yang aneh-nya walau pun sudah di-ketahui yang sa-suatu akibat — hasil daripada olah tangan sendiri itu akan di-terima, namun maseh jua ada yang ingin melakukan sa-suatu yang tidak baik. Ia sa-olah2 tidak mengindahkan langsong akan akibat burok yang menimpa-nya nanti. Tapi walau macham mana pun 'gagah'-nya hati sa-seorang yang enggan menerima hakikat tadi, akhir-nya tentu-lah akan menyesal. Sesalan ini belum akan sampai sa-lagi ia belum menerima akibat burok yang bakal di-terima-nya. Dan tentu-nya sesalan itu tidak bererti lagi kerana ia datang di-sa'at2 yang akhir.

Jua tidak di-nafikan sa-tiap yang menerima akibat yang burok, hasil daripada olah tangan sendiri, akan chuba sa-daya-upaya untok melarikan diri daripada-nya, walau pun ia tahu ia mesti menerima akibat tersebut. Penchuri mithalan-nya, ia akan berusaha untok lari dari di-buru dan di-tangkap oleh pehak yang berwajib. Pada anggapan-nya ia akan beruntong jika ia terlepas dari menerima 'ganjaran-habuan' yang sa-patut-nya di-rasai-nya, tapi selalu-nya 'jerat itu tidak lupa pada pelandok, malah pelandok-lah yang lupa pada jerat'. Ini ada-lah berupa balasan yang akan di-terima di-dunia, sa-suatu pembalasan yang dapat di-ukor dari pandangan zahir. Tapi betapa siksaan Allah di-akhirat nanti? Kalau-lah kita terlepas dari menerima hukoman di-dunia kita akan menerima pembalasan di-akhirat nanti sa-timpal dengan apa yang kita lakukan.

Allah s.w.t. telah berfirman dalam surah Taha potongan ayat 15 yang bermaksud: *"Tiap2 diri itu di-balas dengan apa yang ia usahakan."* Ini bererti kita mendapat ganjaran yang baik di-akhirat nanti apabila kita melakukan sa-suatu yang baik. Begitu jua sa-balek-nya akan kita terima akibat yang tidak baik jika kita melakukan sa-suatu yang tidak baik dan bertentangan pula dengan prinsip2 keislaman.

Tentu-nya kita pernah mendengar orang mengatakan 'kalau kita menanam padi takkan menghasilkan lalang.' Ini memang-nya kita akui, kalau kita bertanam padi, padi-lah jua hasil-nya, dan kalau-lah kita bertanam lalang, lalang-lah jua yang akan jadi. Begitu-lah adat kita; yang baik akan di-kenang kebaikan-nya dan yang tidak baik pula tetap menjadi ristaan yang tidak baik. Oleh yang demikian, hendak-lah kita sentiasa berhati-hati menghadapi gelombang hidup ini agar tidak mudah melakukan sa-suatu yang bertentangan dengan prinsip2 keislaman, kemanusiaan dan malah akan menggalakkan kita supaya membuat sa-suatu yang nyata mendatangkan kebaikan kerana hasil daripada olah tangan kita yang baik itu bukan saja akan kita nekmati sa-orang diri kebaikan-nya malah ada-lah untok ugama, bangsa dan negara.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Julai, 1979 hingga ka-hari Selasa 24hb Julai, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 19hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 20hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 21hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 22hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 23hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 24hb Julai | 12.32 | 3.50 | 6.42 | 7.53 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**



# ISTIADAT PERKAHWINAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dengan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Pengiran Haji Ali telah selamat di-langsongkan pada hari Khamis lalu. Istiadat gilang-gemilang dan penoh adat istiadat itu di-langsongkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana.

Mempelai Lelaki Diraja, Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman tiba di-Istana Darul Hana kira2 jam 3.30 petang dan masok ka-Balai Singgahsana dengan di-pimpin oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, ayahanda Mempelai Perempuan Diraja untok melakukan Istiadat membatalkan ayer sembahyang sa-jurus sa-belum Istiadat Bersanding. Sa-rentak dengan itu, tembakan meriam sa-banyak 17 das telah di-lepas oleh Pasokan Tembak Meriam Pulis DiDiraja Brunei serta di-iringi dengan selawat dan bachaan Do'a Selamat yang di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz sa-bagai menandakan selamat ber-langsong-nya Istiadat Perkahwinan Diraja itu.

Dalam Istiadat Bersanding itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan mengorniakan 'Pengiran Anak' kapada Mempelai Lelaki Diraja yang pengistiharan-nya di-bachakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohd. Alam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta lain2 Kerabat Diraja telah berangkat hadhir di-Istiadat Bersanding itu.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan Isteri; pembesar2 negara bersama isteri

MEMPELAI Diraja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman menjala'ni Istiadat Bersanding di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana (gambar atas).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dengan di-pimpin oleh YTM Seri Paduka Pengiran Babu Raja dan Isteri YAM Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja dan di-iringkan dengan alat2 kebesaran Diraja berangkat ka-Balai Singgahsana (gambar kanan). Gambar paling kanan pula Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman dengan di-pimpin oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin masok ka-Balai Singgahsana untok menjalani Istiadat Bersanding Diraja.

Mempelai Diraja ketika di-erak melalui Jalan MacArthur untok memberi peluang kapada raayat jelata melihat sa-chara dekat kedua mempelai Diraja itu (gambar bawah). Gambar bawah kanan pula kelihatan Perdana Menteri Sngapura Tuan Lee Kuan Yew, isteri-nya Puan Lee, Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan lain2 pembesar negara ketika hadhir di-Istiadat Berinai Diraja yang di-adakan di-Balai Singgahsana pada malam Khamis lalu.









# ...DIRAJA SELAMAT DI-LANGSONGKAN

masing2 juga hadhir di-Istiadat Perkahwinan Diraja.

Istiadat Bersanding kedua Mempelai Diraja itu juga di-hadhiri oleh beberapa orang kenamaan luar negeri termasok Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn dan isteri-nya Datin Suhaila, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan Puan Lee dan bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datuk Haji Mustapha bin Datuk Harun.

Sa-telah Istiadat Bersanding, kedua Mempelai Diraja itu kemudian-nya di-arak mengelilingi Bandar Seri Begawan untok di-perkenalkan kapada seluroh raayat jelata. Kedua2 Mempelai Diraja itu di-arak dalam sa-buah kenderaan yang di-hiasi khas yang melambangkan kebesaran adat-istiadat Diraja sambil di-ikuti oleh pembesar2 negara dan ahli2 Kerabat Diraja, serta dua orang kanak-kanak Pahawai lelaki, sa-orang memegang Keris, sa-orang memegang Kaskol, sa-orang Perempuan Pengiran yang berpakaian sepangadak gadong yang di-iringi oleh sa-orang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol serta 14 orang Pahawai Perempuan yang membawa dua Puan, dua Tarian, dua Kabok dan dua Panastan, dua Kiap, dua Chupu dan dua Pesigupan serta Pegawai2 yang memegang Alat2 Kebesaran Diraja ia-itu 16 Pedang, 40 Sinipit, 8 Kabok dan 8 Panastan dan sa-batang Dian Tunggal yang di-bawa oleh Dayang-Dayang dan dua Hulubalang, sa-orang membawa Pemuras, sa-orang membawa Kelasak dan Kampilan yang di-dahului oleh Pasokan Pencharagam Pulis Diraja.

Di-sepanjang jalan yang di-lalui oleh Perarakan Mempelai Diraja itu telah di-banjiri oleh beribu2 orang raayat dan pendudok serta kanak-kanak sekolah sambil melambai-lambaikan bendera peribadi kedua mempelai Diraja itu.

Turut serta dalam perarakan ia-lah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri; Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan Isteri; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Kerabat2 Diraja; Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhaila; Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan Puan Lee serta lain2 pembesar negara.

Terdahulu sa-belum Istiadat Bersanding Diraja itu, Istiadat Berinai Diraja bagi kedua2 mempelai Diraja telah di-adakan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana dan di-rumah YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Pengiran Haji Ali pada malam Khamis lalu.

Sementara itu Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari telah sempurna di-laksanakan pada malam Sabtu lalu.

Perayaan2 bagi mera'ikan Istiadat Perkahwinan Diraja yang telah bermula sejak 30hb Jun lalu akan berakhir petang esok dengan satu Istiadat Menutop Gendang Jaga-Jaga di-Balai Persantapan Diraja Istana Darul Hana.









GAMBAR paling atas kelihatan kedua Mempelai Diraja YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman dudok dalam kenderaan khas ketika di-arak mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Istiadat Berinai Diraja telah di-dahului oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Gambar atas kelihatan Baginda membuboh inai ka-tapak tangan YTM Paduka Seri Pengirang Anak Puteri Amal Nasibah sementara gambar atas kanan pula kelihatan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri membuboh inai ka-tapak tangan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman.

Perarakan mempelai Diraja itu di-iringi dengan alat2 kebesaran Diraja saperti kelihatan gambar kiri sementara gambar kanan pula kelihatan Tuan Lee Kuan Yew membuboh inai ka-tapak tangan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dalam Istiadat Berinai Diraja pada malam Khamis lalu.



# SISWAZAH BRUNEI MINGGU INI



## intisari RTB minggu ini

RADIO Brunei akan menyiarkan kesah kejayaan dua orang siswazah Brunei minggu ini. Dalam Bahagian Inggeris, Awang Abdul Majid bin Abdul Rahman, (gambar kiri) akan menjadi tetamu Brunei Graduates yang akan ka-udara esok, 12.45 tengah hari dan siaran ulangan-nya pada hari Ahad 22hb Julai jam 8.00 malam.



Dalam Bahagian Melayu, sa-orang siswazah dalam bidang Pertanian akan memenohi ranchangan Siswazah Brunei. Beliau ia-lah Awang Lim Jock Seng yang telah lulus Sarjana Muda Sains dari Massey University New Zealand (gambar kiri)

Kesah kejayaan Awang Lim akan dapat di-dengar melalui Radio pada hari Jumaat 20hb Julai jam 7.30 malam dan siaran ulangan-nya akan dapat di-ikuti pada hari Sabtu jam 1.00 tengah hari.



TAHU-KAH awda bahawa ketiga2 pemenang pertama Kuiz RTB telah pergi mengembara kemba[li] China 1,000 tahun yang lalu ?

Perkampongan Dinasti Sung yang terletak di-Laichikok, Hongkong memberikan gambaran hidupan seharian di-zaman Dinasti Sung dan di-sini ketiga2 pemenang ini telah berpeluang untok ka-rumah sa-pasang pengantin yang baru sahaja berkahwin (gambar atas), dan kemudian-nya mem[per]hatikan pula sa-orang pelukis yang sedang bekerja di-kedai-nya.

Di-samping itu mereka juga melawat ka-beberapa tempat yang menarek termasok-lah law[atan ka] Ocean Park untok melihat pertunjokkan Ikan Lumba2, ka-New Territories, ka-Punchak Victoria dan belah yang tidak putus2-nya — uchapan terima kaseh kapada RBA dan Persatuan Pelanchongan kerana menjayakan chuti mereka di-Hongkong.





HARI Ahad jam 7.40 malam ada-lah ranchangan terakhir dari Return of The Saint. Simon Templar berada di-Rome, sa-buah bandar yang menarek — tapi penoh dengan ugutan kapada sa-orang penyanyi pop antarabangsa yang terkenal, Michelle.

Simon telah mengenali Michelle sejak dia berusia 14 tahun, tapi terkejut apabila melihat perubahan paras rupa-nya bila mereka bertemu semula di-Rome. Templar menyedari yang Michelle berada di-dalam kesusahan dan membahyakan, tapi bila dia menchuba untok membantu-nya dia mendapati diri-nya di-dalam keadaan bahaya yang besar.

Gambar : Saint dalam keadaan kesusahan. Berdaya-kah dia mengatasi-nya ? Atau ini-kah chara berakhir-nya riwayat Simon Templar ? Jangan lupa untok menyaksikan "The Roman Touch" episod terakhir Return of The Saint.



GAMBAR atas : Naomi Steven memainkan peranan Bella, sa-orang Sarjan di-sebuah Jabatan P[olis] Vegas, siapa yang memerhatikan gerak geri Dan Tanna, sa-orang yang dinamis, dan sa-orang pe[nyiasat] sendirian di-VEGAS.

Siri Vegas minggu ini berjodol "Love Laugh and Die" dan akan dapat Awda ikuti pada hari 9.05 malam.

Gambar kanan pula ia-lah salah satu pemandangan dari episod Dallas minggu ini : "John Bahagian Pertama."

Walau pun Doktor dan suami-nya J. R. terus2an memberi amaran terhadap-nya, Sue Ellen membahayakan diri-nya dan anak-nya yang belum lahir itu — tapi bahaya sa-benar-nya ada-lah oleh Lucy.

Dallas akan dapat di-ikuti lagi saperti biasa padahari Sabtu 21hb Julai jam 7.40 malam.

# KENAMAAN LUAR NEGERI HADHIRI PERKAHWINAN DIRAJA

BERAKAS. — Beberapa orang tetamu kenamaan luar negeri telah turut menghadhiri Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dengan Yang Mulia Pengiran Anak Kamarulzaman yang telah di-langsongkan pada Khamis, 12hb Julai lepas.

Sampai ka-negeri ini pada pagi Khamis beberapa jam sa-belum berlangsong-nya perkahwinan tersebut ia-lah Yang Amat Berhormat Dato Hussein bin Onn Jaafar, Perdana Menteri Malaysia serta Datin Suhaila dan empat orang yang lain.

Ketibaan Dato Hussein serta rombongan yang menaiki kapalterbang eksekutif Kerajaan Malaysia di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini telah di-alu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, YAB Menteri Besar, YB Setia Usaha Kerajaan, YAM Pengiran Senggamara Diraja dan lain2 pegawai kanan Kerajaan.

Sa-jurus sa-belum YAB Dato Hussein Onn keluar dari pesawat terbang tersebut, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh telah naik ka-dalam pesawat dan menjemput YAB Dato Hussein Onn yang kemudian-nya di-perkenalkan kapada pembesar2 negara yang sedia menunggu di-landasan.

Kemudian YAB Dato Hussein Onn telah di-bawa beredar dari lapangan terbang ka-Rumah Jerambak di-Jalan Gadong untok tinggal di-sana di-mana beliau menginap sa-masa berada di-sini.

Kunjongan YAB Dato Hussein Onn ka-Istiadat Perkahwinan Diraja itu ada-lah merupakan lawatan yang pertama kali oleh beliau sejak memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia dan kunjongan kali kedua oleh Ketua Kerajaan Malaysia sejak tahun 1968 yang di-buat oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj yang menghadhiri Istiadat Perpuspaan.

Terdahulu dari itu telah sampai ka-negeri ini untok tujuan yang sama ia-lah Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew serta rombongan pada hari Rabu, 11hb Julai.

Ketibaan Tuan Lee Kuan Yew serta rombongan telah di-sambut oleh pembesar2 negara. Ini ada-lah merupakan kunjongan kali ketiga ka-negeri ini oleh beliau sejak tahun 1968 dan akhir Mach lepas. Tuan Lee Kuan Yew serta isteri dan rombongan telah tinggal di-Istana Tetamu sa-panjang kunjongan ka-negeri ini. Beliau telah berlepas pulang ka-Singapura pada tengah hari Jumaat lepas.

Dan pada 10hb Julai pula bekas Ketua Menteri Sabah Tun Datu Haji Mustapa bin Harun serta rombongan telah juga sampai untok menghadhiri perkahwinan Diraja.

Ketibaan beliau telah di-alu2kan oleh YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh. Beliau dan rombongan tinggal di-rumah bekas kediaman YTM Pengiran Bendahara di-batu dua Jalan Tutong berhampiran dengan Istana Darul Hana.

Pelawat2 kenamaan itu telah pulang meninggalkan Brunei pada hari Jumaat 13hb Julai lalu.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan; DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir danlain2 Kerabat Diraja di-Majlis Santapan di-Lapau pada malam Jumaat lalu.

# DYMM berangkat ka-Majlis Santapan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berangkat berchemar-duli ka-Majlis Istiadat Persantapan yang telah di-adakan di-Lapau Diraja di-ibu negeri pada malam Jumaat yang baru lalu.

Istiadat Persantapan yang telah di-adakan di-Dewan Persantapan Lapau itu ada-lah atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin bagi meraikan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn dan Datin Suhaila, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan Isteri dan bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun dan rombongan yang telah menghadhiri Istiadat Perkahwinan Diraja.

Turut berangkat ka-istiadat tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Pengiran Anak Isteri, Kerabat2 Diraja.

Turut hadhir di-istiadat itu ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan isteri, Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dan Datin, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Shahibol Rae Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Pehin2, Pembesar2 Negara dan Pegawai2 Kanan Kerajaan yang lain.





PERDANA Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn dan isteri-nya, Datin Suhaila tiba di-Lapangan Terbang Antarabangsa dengan di-alu2kan oleh TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei dan pembesar2 negara (gambar atas kiri) sementara gambar atas kanan pula kelihatan Perdana Menteri Malaysia itu berbual-bual dengan Penasehat Umom Kebawah DYMM, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa di-Majlis Santapan bagi mera'ikan beliau.







YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh ketika mengalu2kan ketibaan bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha (atas kiri) sementara gambar atas (tengah), YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin mengalu2kan ketibaan Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan gambar kanan pula kelihatan Perdana Menteri Singapura itu dan isteri-nya ketika hadhir di-Majlis Santapan bagi mera'ikan tetamu kenamaan luar negeri pada malam Jumaat lalu.

# PERAYAAN BERMULA DENGAN UPACHARA PERBARISAN







SA-LAIN dari sembah keshukoran bersempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-33 tahun yang di-sembahkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di-Istiadat Mengadap di-Lapau (gambar2 atas kanan), Baginda Yang Dipertuan juga menerima sembah uchapan yang tidak di-bachakan dari persatuan2 dan pertubohan2 awam.

Gambar atas Baginda Yang Dipertuan menerima sembah uchapan dari Majlis Belia2 Negeri Brunei yang di-sembahkan oleh Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim dan sembah uchapan dari Kesatuan Sekerja Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang di-sembahkan oleh Sister Rokiah binte Haji Zakiah (gambar kanan).

Gambar bawah kelihatan Baginda Yang Dipertuan mengorniakan Bintang Kebesaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J. kapada Ketua Jurutera RTB, Awang W. A. Jackson.





GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika memeriksa barisan kehormatan dalam Upachara Perbarisan Kehormatan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lalu. Sementara gambar2 bawah pesawat helikopter terbang lalu dan gabongan pasokan pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei memainkan lagu2 di-upachara tersebut.







# KEHORMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah bermula dengan rasmi-nya pada hari Ahad dengan satu Upachara Perbarisan Kehormatan yang di-adakan di-Padang Besar di-sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-upachara itu kira2 jam 8.00 pagi dan di-alu2kan dengan Hormat Diraja. Sa-jurus sa-telah itu, Pemerentah Perbarisan, YDM Pehin Datu Perkasa Major Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid menjunjong Baginda untok memereksa barisan kehormatan yang terdiri dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei dan Pasokan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles.

Baginda Yang Dipertuan yang menaiki sa-buah Land Rover juga telah memereksa barisan 10 buah pertubohan awam yang beruniform.

Sa-telah itu, peserta2 perbarisan berjalan lalu di-depan Pentas Diraja di-mana Baginda Yang Dipertuan membalas tabek kehormatan.

Tembakan meriam sabanyak 21 das telah di-lepaskan oleh Pasokan Tembak Meriam Pulis Diraja dan di-selangi dengan tembakan senapang dari peserta2 perbarisan sa-bagai tanda gemgira. Sa-rentak dengan itu lapan buah pesawat helikopter Askar Melayu Diraja Brunei terbang lalu melimpasi padang perbarisan dengan melepaskan semboran asap yang berwarna-warni.

Upachara Perbarisan pagi itu telah di-akhiri dengan tiga kali Daulat Tuanku untok Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Upachara Perbarisan itu di-hadhiri oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga berangkat ka-upachara tersebut.

Juga turut hadhir di-upachara itu termasok-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha; YB Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ketua2 Jabatan, Yang Dimuliakan Pehin2 dan ketua2 kaum.

Sa-telah selesai upachara Perbarisan itu, satu Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 Kehormatan dan Pingat2 Kebesaran telah berlangsong di-Lapau.

Di-Istiadat itu, sembah2 keshukoran telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sabagai wakil raayat dan Kerajaan; dari TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; dari YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir bagi wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Pehin2 Manteri. Ini di-ikuti dengan persembahan2 uchapan yang tidak di-bachakan dari wakil2 persatuan dan pertubohan awam.

Sa-telah itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan melafadzkan titah sabagai membalas uchapan2 keshukoran itu.

Sa-telah berehat sa-bentar, achara di-teruskan dengan pengorniaan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei dan Pingat2 Kehormatan.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British dan isteri DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain2 Kerabat Diraja juga berangkat ka-Istiadat tersebut.







GAMBAR paling atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika berangkat ka-Upachara Perbarisan Kehormatan.

Gambar2 atas, kiri dan bawah pula pasokan Pulis Diraja, pasokan Kadet Pulis Diraja dan Pasokan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles berbaris lalu di-hadapan Pentas Diraja sambil memberi hormat kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang membalas tabek dari atas pentas itu.








YANG Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar ketika menyaksikan pameran tersebut.

# PAMERAN POS DAN SETEM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Speaker Dewan Majlis Mashuarat Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pg Umar pada hari Khamis lepas telah berangkat merasmikan serta memulakan pra-tunton Pameran Pos dan Setem2 yang di-adakan di-Muzium Brunei di-Kota Batu.

Pameran tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos dengan kerjasama Jabatan Muzium dan Persatuan Filateik Brunei sa-bagai salah satu achara perayaan bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun.

Di-antara bahan2 yang di-pamerkan termasok-lah berbagai jenis setem yang termasok setem2 yang berharga dan juga jenis setem2 kepunyaan penggumpol2 setem yang terkenal. Bahan2 pos juga turut dipamerkan saperti surat2 udara, setem2 hadiah, mesen setem ia-itu bagaimana setem di-reka dan di-proses untok pengeluaran serta pertunjokan2 filem.

Pengerusi Jawatankuasa Pameran menyatakan bahawa sa-lain dari memeriahkan sambutan perayaan, pameran itu juga bertujuan untok memberi peluang kapada penggumpol2 setem menyaksikan pameran tersebut serta memupok minat mereka pada menjadikan menggumpol setem itu sabagai satu kegemaran terutama-nya di-kalangan masharakat Brunei sendiri.

Turut hadhir di-perasmian pra-tunton pameran itu termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pg Bahrin bin Pg Haji Abbas dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Pameran tersebut akan di-adakan pada tiap2 hari kechuali hari Isnin sa-hingga 23hb Julai depan.

## Persembahan Pencharagam Sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu persembahan Pencharagam Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sanegeri Brunei sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-33 tahun dan Sempena Tahun Antarabangsa Kanak2 akan di-adakan di-Padang Besar di-sini petang esok, Khamis 19hb Julai mulai jam 2.30 petang.

Persembahan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Latehan Kesenian itu akan di-sertai oleh sabanyak 10 buah pasokan dari seluroh Negeri Brunei.

Sekolah2 yang mengambil bahagian dalam persembahan itu ada-lah terdiri dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Menengah Atas dan Menengah Bawah, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, Sekolah Inggeris Berakas, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, Sekolah Menengah Muhammad Alam, Seria, Sekolah Menengah SMJA dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

Satu persembahan khas dari Sekolah Persediaan Inggeris Keriam, Tutong juga akan diadakan dalam persembahan itu nanti.

Ini ada-lah persembahan kali kedua oleh pasokan2 pencharagam sekolah2 itu.

## Peraduan mewarna kulit majalah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjorkan Peraduan Mewarna Kulit Majalah dan Melukis Ilustrasi Kulit Buku. Peraduan tersebut hanya terbuka kapada kanak-kanak yang berumor lima hingga 12 tahun.

Borang2 masok peraduan dan butir2 lanjut boleh didapati dari Perpustakaan Kanak-Kanak Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan dan di-semua Chawangan Perpustakaan DBP di-Kuala Belait, Pekan Seria, Pekan Tutong dan Pekan Bangar.

Tarikh tutop penerimaan masok ia-lah 19hb Julai jam 3.00 petang.



**MUZIUM Brunei dan Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan pada minggu lalu telah menjadi tumpuan pelawat kenamaan dari luar negeri.**

**Bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datuk Haji Mustapha telah membuat lawatan ka-tempat2 itu pada hari Rabu lalu (gambar2 kiri dan bawah).**

**Ini di-ikuti dengan lawatan isteri Perdana Menteri Singapura, Puan Lee Kuan Yew pada hari Khamis lalu. Gambar bawah kanan kelihatan Puan Lee dengan di-iringi oleh Pengarah Muzium Brunei, Pengiran Dato Shariffuddin ketika menyaksikan pameran di-muzium itu.**

**Isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Suhaila pula membuat lawatan ka-pusat2 itu pada hari Jumaat (gambar kanan).**











DAYANGKU Monira Johan Bintang Kechil Radio 1979 sedang di-temu ramah oleh Helen Thu dalam ranchangan Taman Mekar yang akan di-siarkan pada hari Ahad 22hb Julai, 1979 jam 9.30 pagi sementara gambar kiri pula ketika mengalunkan suara-nya dalam Pertandingan Bintang Kechil pada 8hb Julai lalu.

SA-LEPAS berjaya menyandang juara Bintang Kechil Radio 1979, Dk Monira Pengiran Mohiddin memberitahu; "saya berchita2 untok memperbaiki kebolehan saya dalam lapangan seni suara ini."

Dengan chita2 yang demikian dapat-lah di-ramalkan bahawa Dk Monira akan munchol sa-bagai penchabar masa depan dalam dunia seni suara tanah ayer. Tangga ujian ka-arah itu sedang menunggu saperti pertandingan Mutika yang boleh memanjangkan langkah para biduan dan biduanita kita hingga ka-Hongkong.

Memandang kapada umor-nya sekarang, Dk Monira maseh punya kelayakan lagi untok turut dalam pertandingan Bintang Kechil Radio 1980. Dan sa-waktu di-tanyakan apakah dia akan mempertahankan juara-nya dalam pertandingan Bintang Kechil Radio 1980, dia menggelengkan kepala dengan berkata: "saya tidak berhasrat untok menyertai-nya" "kenapa?" "saya ingin memberi peluang kapada kawan2 yang lain, terutama adek saya untok merebut Johan Bintang Kechil Radio 1980 itu."



RTB akan mempersembahkan siri drama baru yang terbahagi kapada tujoh bahagian: EDWARD AND MRS SIMPSON yang mengesahkan tentang kesah chinta diraja yang unik dalam sejarah.

Edward VIII berusia 41 tahun bila dia menaikki takhta. Pemerintahan-nya memakan masa 325 hari bila dia memileh untok turun dari pemerintahan dan mengahwini wanita yang di-chintai-nya — Puan Wallis Simpson yang berasal dari Amerika dan telah di-cheraikan buat kali kedua. Edward menghabiskan masa kehidupan-nya dalam buangan sa-bagai "Duke of Windsor". Dia mati dalam tahun 1972, tapi isteri-nya maseh hidup — tinggal di-Paris dengan membawa kenang2an-nya.

Jangan lupa untok menyaksikan episod yang pertama dari siri drama ini pada hari Ahad 22hb Julai jam 9.30 malam.

**GAMBAR atas: Cynthia Harris menghidupkan watak Puan Simpson dan Edward Fox sa-bagai Edward VIII akan dapat di-temui dalam siri baru yang di-mulakan pada hari Ahad 22hb Julai.**



**GAMBAR atas kelihatan Charles Ingalls merasa sedeh untok menyerahkan anak-nya Mary yang buta itu kapada Adam Kendall di-hari perkahwinan mereka sementara Caroline Ingalls berada di-sisi-nya dalam "The Wedding", episod LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE hari Isnin depan.**





**BILA John Kane kembali ka-rumah-nya untok melawat saudara perempuan-nya yang sakit kuat. Kedatangan-nya yang serta-merta itu telah menimbulkan perasaan gembira. Louisa MacGill, sa-orang guru muda yang berkulit-hitam yang juga baharu kembali telah mendapati diri-nya tertarek kapada lelaki yang sukar untok di-fahami itu siapa yang maseh di-anggap-nya sa-bagai teman-nya sejak kechil lagi. Bagaimana pun, anak kapada sa-orang doktor tempatan menshakki yang Kane ada-lah sa-orang pengachau yang di-hantar untok membantu pekerja2 yang berkulit hitam untok mogok dan menentang pembenaan loji kilang besar di-bandar itu. Cherita ini akan dapat Awda ikuti dalam Tayangan Malam Sabtu "Brother John".**

**Gambar atas: Sidney Poiter sa-bagai John Kane, dalam BROTHER JOHN, dalam tayangan malam Sabtu.**

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30— Ruangan Bertutoran. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, diikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI:** 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.00—Harian radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)—Azan magrib; di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00— Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA

**AWANG Ibrahim bin Mukti yang beralamat Kampong Sungai Tanit, Bangar, Temburong akan di-beri peluang untok memenohi ranchangan hiboran 'Apa Pilehan Awda' minggu ini.**

**Dalam ranchangan sa-tengah jam itu, Awang Ibrahim akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya untok hiboran peminat2 ranchangan ini.**

**Lagu2 pilehan Awang Ibrahim akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 20hb Julai, jam 9.00 pagi.**

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Melody Time. **PM:** 12.00 — News; 12.45—International Money Programme; 1.00—Ready to Roll introduced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—What's Wrong With Me Doctor? (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 Free Time by Jaafar Yaakob (repeat); 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON:** 12.00 — My Music. **PM:** 12.30— News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Bridgette Robinson produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30—Radioscope (repeat); 9.00 — Blowing in the Wind produced by Nafisah Haji Ali; 9.15—News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak Hishamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Rock Line; 11.15—My Word; 11.45 — Light Music From Netherland. **NOON:** 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Welcome to My World presented by Lynette Lithgow; 1.00 — Dr. Finlay's Casebook; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word (repeat); 8.30 —Sheikh Abas calling on you; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 11.30 — Internatioual Call. **NOON:** 12.00 — From Rag to Rock — (Programme 7). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00—Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — "The Painted Veil episode 8/12; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00—Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON:** 12.00 — Top of The Pops. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor?; 1.00 — Musical Dairy by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announceemnt — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — 33.33 with Bob Kay; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Jaafar Yaakob; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. **NOON:** 12.00 — Dad's Army. **PM:** 12.30 — News; 12.45—Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Interlude; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Moulders of Western Philosophy "Marx"; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre: "Zeppi's Machine" by Sam Seloon; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sports Magazine. **NOON:** 12.00 — —Folkweave featuring "The Chieftains". **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Blowing in The Wind (repeat); 1.00 — Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement —Stereo Pop Special featuring "Be-Bop Deluxe"; 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30—Ready To Roll; 10.00—Close Down.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 18HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Errand of Mercy"
Kaptan Kirk dan Spock meninjau ka-planet Organia untok membuat perjanjian dengan penghulu2 di-sana yang aman ma'mor dan akan melindongi mereka dari musoh2 yang kejam.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BOTANIC MAN — "Crackpot Hackpot"
David Bellamy meninjau pergolakan hidup manusia yang unik dalam konteks perkembangan dan memerhati dua chara hidup yang berbedza dalam perjalanan yang hanya memakan masa sa-hari di-antara California dan Mexico.
7.40 AGAINST THE WIND — "When Kings Go Forth to Battle"
Mary dan kawan2-nya sa-olah2 tidak berdaya lagi bila pemberontakan yang berjalan itu hampir2 menuju kemunchak-nya. Sambil kumpolan2 yang memakai pakaian seragam merah bergerak menghampiri mereka, untok membuat peperangan dengan Dinny menjadi salah sa-orang dari ketua2-nya.
7.53 AZAN ISHA
7.57 AGAINST THE WIND — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK: Celebrity Concert
9.55 PERLAWANAN GUSTI
10.45 SIARAN TAMAT.



HARI Jumaat jam 9.30 malam ada-lah yang pertama dari siri baru yang berjodol "Sword of Justice", yang mengesahkan perjuangan sa-orang lelaki yang melawan pertubohan penjenayah untok membalas-dendam terhadap kematian keluarga-nya.

Cherita ini mengesahkan tentang Jack Cole yang bersifat mata-keranjang yang di-tangkap kerana di-tudoh menchuri, yang mana dengan tidak sengaja telah menyebabkan kematian kedua orang tua-nya. Sa-telah tiga tahun berada di-dalam tahanan dia berazam untok membalas-dendam dengan menyerang penjenayah2 yang menyebabkan perkara ini. Di-siang hari dia maseh di-kenali sa-bagai Jack Cole yang sentiasa berada di-bandar; tapi di-waktu malam dia menjadi sa-orang pengachau yang misteri yang meninggalkan kesan-nya sa-bagai penjenayah dalam SWORD OF JUSTICE.

Gambar: Dack Rambo memainkan peranan sa-bagai Jack Cole dalam siri baru yang penoh dengan misteri dan menarek "SWORD OF JUSTICE".

## KHAMIS — 19HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO — "The Android Invasion"
Dengan Tom Baker sa-bagai pelakun utama-nya yang memainkan peranan Doktor Who dan Elizabeth Sladen sa-laku Sarah Jane Smith, pembantu-nya.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.40 HIGH CHAPARRAL — "Mark of the Turtle"
7.53 AZAN ISHA
7.57 HIGH CHAPARRAL — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU: "Struggle for Survival"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 20HB JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KORG 70,000 BC — "Tor's First Hunt"
Perjumpaan Tor yang baru, chermin dari batu 'micah' telah membawa kejayaan kapada penyelidekan-nya yang pertama.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE OWL SERVICE
6.30 HUNTER'S GOLD — Episod ke-enam
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 HUNTER'S GOLD — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MORK AND MINDY — "Mork Runs Down"
Masa untok Mork ada-lah terhad kechuali dia boleh mendapatkan kuasanya kembali dari "gleek" yang berukoran saperti telor itu untok menghadapi hari jadi-nya yang tidak lama lagi akan tiba.
7.40 THE GENERATION GAME
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE GENERATION GAME — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 SWORD OF JUSTICE —
Sa-buah siri baru. Jack Cole yang di-penjara kerana di-tudoh menchuri dan menghabiskan masa 3 tahun di-dalam penjara. Dia di-bebaskan dan berazam untok membalas dendam. Di-siang hari dia sa-orang lelaki biasa dan di-malam hari ia menjadi saorang hitam yang misteri—sa-orang pengachau yang meninggalkan kesan jenayah.
11.00 THRILLER — "File It Under Fear"
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 21HB JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE ADVENTURES OF GULLIVER — "The Hero"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POTRET PENYANYI
7.40 DALLAS — "John Ewings III" — Bahagian pertama.
Masaalah Sue Ellen yang ketagih meminum minuman keras itu telah berkembang hingga kemunchak-nya yang mana telah menyedarkan Kock dan Ellie untok mengingatkan J.R., dan dalam pada itu Bobby menchuba untok merahsiakan hal Lucy yang ketagih dadah itu dari pengetahuan orang tuanya.
7.53 AZAN ISHA
7.57 DALLAS — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARSKY AND HUTCH
9.55 PREMIER SOCCER
10.55 TAYANGAN MALAM MINGGU — "Brother John"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 22HB JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Puasa"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Carrot Nightmare"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CAPTAIN CAVEMAN AND MYSTERY ISLAND —
Kaptan Caveman membuat penyiasatan terhadap rompakan bulu binatang di-sebuah kapal laut.
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 SCIENCE INTERNATIONAL — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 WKRP IN CINCINNATI — "Who is Gordon Sims"
Sa-telah dengan keras-nya dia menolak permintaan untok menyiarkan gambarnya untok kegunaan iklan di-surat khabar d.j. Venus Flytrap akhir-nya mendakwa diri-nya sa-bagai sa-orang yang lari dari pengadilan.
7.40 RETURN OF THE SAINT "The Roman Touch"
7.53 AZAN ISHA
7.57 RETURN OF THE SAINT — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DRAMA
9.30 EDWARD AND MRS SIMPSON
10.20 HOLLYWOOD SPECIAL — "The Disaster Movie Mania"
10.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 23HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Wedding"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POT BLACK
7.40 ROOTS: The Next Generations
7.53 AZAN ISHA
7.57 ROOTS: The Next Generations — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS — "Love Laugh and Die"
10.45 BLACK SHEEP SQUADRON — "Wolves in the Sheep Pen"



WKRP In Cincinnati akan munchol kembali di-kacha peti talivishen awda pada hari Ahad jam 7.10 malam.

Dalam cherita "Who is Gordon Sims?" ahli2 di-steshen radio merasa agak bertanggong-jawab bila d.j. Venus Flytrap menolak tawaran untok siaran gambar-nya yang di-ambil khas untok tujuan pengiklanan. Dia bertindak jauh untok merosakan filem ini bila sa-orang penjual, Herb Tarlek berjaya untok mendapatkan gambar-nya. Tanggong-jawab untok pergi ka-rumah Venus untok mengetahui mengapa dia terlalu tersinggong di-serahkan kapada pengarah ranchangan Andy Travis.

Gambar: Gary Sandy berlakun sa-bagai Andy Travis, sa-orang pengarah ranchangan yang muda di-WKRP, sa-buah steshen radio yang selalu terdapat kachau-bilau dalam pentadbiran-nya.

Tim Matheson sa-bagai pelakun undangan yang menghidupkan watak sa-orang ketua pemandu sa-buah kapal pejuang yang di-arahkan untok mengambil sa-paroh dari permintaan Greg Boyington.
10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 24HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 DICK TURPIN
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Rescue of the Astronauts"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 BATTLE OF THE PLANETS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MUDA BELIA
7.40 FLYING HIGH — "The Marcy Connection"
7.53 AZAN ISHA
7.57 FLYING HIGH — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOCUMENTARY — Exploration and Adventure — "High and Wild"
Ahli2 Sains dan kalangan muda berumor belasan tahun dari Kanada dan United Kingdom bergabong dan menubohkan kumpolan untok membuat ekspedisi ka-Pergunongan Selkirk di-British Columbia yang terpenchil dan di-kenali mempunyai kehidupan yang liar.
10.15 MAN UNDERCOVER — "Death is a Close Friend Too"
Dalam ranchangan terakhir siri ini, beberapa kejadian rompakan bank telah membawa Dan Shay ka-dunia penagihan dadah dan pelachoran.
11.05 SIARAN TAMAT.

# PELUMBA SARAWAK MENANGI LUMBA BASIKAL JARAK-JAUH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Zainal Abidin bin Hassan, pelumba dari Negeri Sarawak telah berjaya memenangi lumba basikal jarak jauh bahagian perseorangan bermula di-Padang KBRC dan berakhir di-sini yang telah berlangsong minggu lalu.

Awang Zainal telah berjaya menamatkan perlumbaan dengan satu chatetan rekod baru kurang 3 minit .5 saat dari rekod yang telah di-chipta oleh pemenang tahun lalu. Rekod yang telah di-chipta oleh Awang Zainal ia-lah 3 jam 18 minit 24 saat sementara rekod tahun lalu ia-lah 3 jam 21 minit 24.5 saat.

Mendudoki tempat kedua ia-lah Awang Osli bin Haji Md Noor dari daerah Tutong sementara di-tempat ketiga pula ia-lah Awang Asmara bin Narawai sa-orang lagi pelumba dari Sarawak.

Perlumbaan yang di-anjorkan oleh Persatuan Lumba Basikal Amator Negeri Brunei itu ada-lah sempena menyambut hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun.

Lebeh dari 100 orang pelumba yang merupakan penunggang2 basikal tempatan dan beberapa orang penunggang2 basikal dari negara jiran Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian.

Pasokan Tuff Kote 'A' yang di-anggotai oleh Awg Chan Fook Pheng, Awang Jimmy Foo Kia Tin, Awg Lin Nyat Khong dan Awg Hwong Yew Hin telah berjaya memenangi perlumbaan tersebut dalam bahagian berpasokan. Tempat kedua jatoh kapada Pasokan Tuff Kote 'B' manakala tempat ketiga ia-lah Pasokan dari Negeri Sarawak.

Hadiah2 yang berupa piala, tiket penerbangan pergi balek ka-Manila yang di-sumbangkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bagi pemenang perseorangan dan empat tiket pergi balek ka-Singapura yang di-sumbangkan oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei bagi pemenang berpasokan telah di-sampaikan oleh Ketua Unit Latehan Perjawatan, Awg Haji Jaya bin Haji Latif



GAMBAR kiri menunjokkan para peserta menggunakan kebijaksanaan masing2 sejurus setelah perlumbaan di-mulakan.



PERLAWANAN akhir Piala Liga Bolasepak Brunei telah berlangsong Ahad lalu 8hb Julai 1979, bertempat di-Padang Gadong di-sini.

Dalam perlawanan tersebut Pasokan Bolasepak Perkasa telah bertemu dengan Pasokan Bolasepak Paduka Rangers dari daerah Belait di-mana Pasokan Perkasa telah berjaya mengalahkan pasokan pehak lawan dengan jaringan 2 gol tanpa balas.

Perlawanan yang di-anjorkan untok kedua kali-nya oleh Persekutuan Persatuan Bolasepak Amator Negeri Brunei itu telah bermula pada bulan Desimber tahun lalu. Dalam perlawanan kali pertama ia-nya di-anjorkan dulu, liga tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Bolasepak Indera.

Gambar atas kelihatan Awg Mohammad Yussof bin Abu Bakar, Ketua Pasokan Perkasa sedang menerima piala kemenangan daripada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awng Haji Hussein.

BELIA DAN SOKAN

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

## SPASSKY — BERUANG RUSIA

**OLEH: STEWART WAVELL**

Siri ke-35

ITU-LAH gambaran yang di-sukai Boris Spassky mengenai diri-nya — sa-orang yang tenang dan pemalas, malah sa-orang yang mengambil masa serta menggunakan tenaga untok berdiri. Dia mungkin beruang Rusia, tetapi Spassky amat menarek, mempunyai wajah tampan yang tenang, dapat berbahasa Inggeris dengan baik, dan ahli sokan yang gigih. Awda mungkin terkenang kapada-nya sa-bagai orang Rusia yang di-kalahkan oleh Bobby Fischer dalam Kejuaraan Dunia 1973.

Di-sebalek dakwaan-nya yang ia sa-orang bertabi'at tenang, Spassky ada-lah sa-orang yang beremosi kompleks. Pada lahir-nya terdapat ironi dan daya penarek. Robert Byrne, grandmaster Amerika Sharikat, menyebut Spassky sa-bagai 'gentleman', yang sebutan itu tentu-lah satu pujian paling tinggi dari sa-orang Anglo-Saxon kapada sa-orang Slav. Walau pun begitu Spassky sering menampakkan dalam sahsiah-nya suatu kualiti sedeh yang mempunyai introspektif mendalam. Sa-bahagian besar hidup-nya di-habiskan saperti kehidupan sa-orang seniman — di-bawah permukaan.

Spassky belajar bermain chator apabila ia berumor lima tahun. Tahun-nya ada-lah 1942, tahun sukar apabila Leningrad, bumi tempat lahir-nya di-kepong oleh tentera Jerman. Dia di-pindahkan ka-kawasan Ural dan di-sana, buat pertama kali-nya, bakal juara dunia itu melihat buah-chator. Dia terutama-nya tertarek dengan buah-chator tihir. Krogius, ahli kajijiwa bangsa Rusia yang menjadi pembantu Spassky sa-masa bertarong dengan Fischer berkata: "Mungkin fakta kechil ini mempunyai satu mutu simbolik tertentu: gerak tihir mengingatkan sa-seorang tentang stail permainan Spassky sekarang — tepat, jelas dan tegas."

Tatkala berumor 11 tahun, Spassky telah di-sifatkan sa-bagai budak berbakat luar biasa tetapi di-hadapan papan-chator ia sungguh keras hati dan tidak kebudak-budakan. Krogius yang melawan-nya dalam USSR Junior Championship 1947 telah merasa kagum apabila Spassky, pada ketika itu mempunyai kedudokan baik dalam permainan hujong, menawarkan seri kapada-nya. Krogius bertanya mengapa, dan Spassky menjawab: "Saya sudah pun meranchang seri untok permainan ini apabila saya mempertimbangkan kedudokan 'am dalam pertandingan ini." Suatu jawapan yang tidak di-duga daripada sa-orang budak yang berumor sa-puloh tahun.

Ketika berumor empat belas tahun, Spassky berada di-bawah pengaroh Tolush, sa-orang pemain chemerlang yang suka mengorbankan buah-chator. Dari pemain 'positional' yang ringkai, Spassky mengalami satu revolusi dalam stail permainan-nya. Dia berkata tentang hari2 yang lampau itu: "Saya dapat memahami yang chator mempunyai sa-suatu yang lain di-samping strateji yang baik — serangan, korban, idea2 kreatif."

Jika awda sa-orang pemain permulaan, jangan takut mengalami masa2 semberono. Chuba apa sahaja. Alami berdozen-dozen kekalahan. Lebeh banyak awda kalah, lebeh banyak awda mendapat pengalaman. Tetapi hendak-lah di-sedari yang strateji yang teliti memberi awda kedudokan kekuatan yang daripada-nya awda dapat melancharkan serangan2 yang menchemaskan itu. Untok sementara waktu awda terpaksa berbalek kapada memikirkan tentang strateji.

Spassky menyandang mahkota putera chator sa-belum berumor dua puloh tahun. Tetapi sa-lepas itu di-ikuti oleh satu masa yang tidak gembira. Dalam masa tiga tahun berumahtangga dari tahun 1959 hingga 1961 ia berkata: "Kekuatan saraf-ku langsong musnah dan tidak ada sa-suatu yang dapat saya lakukan dengan betul". Percheraian-nya dalam tahun 1961 ada-lah tepat berlaku dengan putus hubongan-nya dengan Tolush, dan ia pun menjemput Igor Bondarevsky sa-bagai pelateh-nya. Sejak tahun itu karier Spassky naik sa-mula. Dia menang kejuaraan nasional buat pertama kali-nya. Dia kemudian-nya berjuang hebat sa-lama enam tahun untok kejayaan menuju gelaran juara dunia. Akhir-nya ia mengalahkan Petrosian yang sa-lepas itu ia memberi pendapat mengenai kekalahan, yang khusus menggambarkan peribadi-nya. "Ada-kah saudara mengakui kemungkinan kalah?" ia di-soal apabila akhir-nya ia menjadi juara dunia. "Ya", jawab-nya, "dan saya sedikit pun tidak takut menghadapi-nya. Pada umom-nya saya tidak berperasaan gentar, bukan sahaja pada kemungkinan kalah sa-chara individu, malah-an pada kemungkinan kehilangan kejuaraan. Meletakkan keseluruhan perkara dalam abstrak, saya ingin menegaskan keperchayaan bahawa Juara Dunia pada 'am-nya patut-lah jangan takut akan kekalahan. Dia mesti-lah menghadapi kekalahan2 itu dengan berani dan berjuang sa-panjang masa."

Apa-kah yang dapat kita pelajari daripada Spassky? Saperti Emmanuel Lasker, ia menyelideki lawan-nya dengan mendalam, dan tahu kekuatan serta kelemahan-nya. Ini memberikan-nya satu kemudahan untok menyesuaikan diri-nya kapada sa-tiap jenis permainan. Lawan2-nya kurang beroleh kemajuan apabila melawan-nya kerana mereka ada-lah terikat pada kelemahan2 mereka sendiri. Spassky tahu nadi mana untok di-tekan demi melumpohkan mereka. Bobby Fischer pernah berkata mengenai Spassky: "Spassky dudok di-hadapan papan-chator dengan wajah beku samada sa-masa ia sedang melakukan mat atau kena mat." Dia sentiasa mengekalkan wajah yang paling tenang. "Sa-benar-nya," kata Spassky, "saya berperasaan gementar dalam permainan, sa-olah2 terdapat satu ledakan sedang berlaku. Tetapi apabila saya melakukan satu kesalahan, saya chuba mengawal diri, bersikap tenang dan menchari jalan yang sa-baik2-nya untok keluar daripada situasi yang rumit itu. . . Apabila saya betul2 nampak tenang, sa-benar-nya saya ada-lah paling gementar.".

Jadi pemain2 handalan pun menderita perasaan gementar. Apabila daalm kesukaran, dan berperasaan tegang, ingat-lah nasehat Nimzowistch: "Berdiri dan bawa berjalan2 dalam bilek itu. Pergi sa-mula ka-papan-chator, dan kendorkan semua otot awda. Bertenang, dan sa-lepas itu baharu-lah mula berfikir." Sebarang orang yang dapat bertahan daripada pukulan saikoloji yang di-kenakan oleh Fischer pada tahun 1973 itu tentu-lah mempunyai kawalan diri yang luarbiasa. Saya teringat akan uchapan C.H.O.D. Alexander mengenai Kejuaraan Dunia: "Kejuaraan Dunia", kata-nya, "ada-lah satu pertarongan gladiator yang jika di-bandingkan dengan pertarongan Joe Frazier dengan Muhammad Ali hanya-lah satu bual ringan antara sa-habat."



KELIHATAN Juara Chator Brunei, Awang Stewart Wavell sedang menghadapi sa-bahagian dari 10 orang pemain chator Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong yang menentang-nya dalam satu perlawanan chator sa-chara persahabatan yang di-adakan minggu lalu. Dua dari pemain sekolah tersebut telah berjaya mengalahkan juara chator tersebut.

Berikut ada-lah permainan di-mana Spassky mengalahkan Fischer daalm Siegen Olympaid tahun 1970. Spassky bermain Puteh.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-d4 | Kf3 |
| 2. | B-c4 | B-g6 |
| 3. | K-c3 | B-d5 |
| 4. | BxB | KxB |
| 5. | B-e4 | KxK |
| 6. | BxB | G-g7 |
| 7. | G-c4 | B-c5 |
| 8. | K-e2 | K-c6 |
| 9. | G-e3 | 0-0 |
| 10. | 0-0 | M-c7 |
| 11. | T-c1 | T-d8 |
| 12. | B-h3 | B-b6 |
| 13. | B-f4 | B-e6 |
| 14. | M-e1 | K-a5 |
| 15. | G-d3 | B-f5 |
| 16. | B-g4! | BxB(e4) |
| 17. | GxB | G-b7 |
| 18. | K-g3 | K-c4 |
| 19. | GxG | MxG |
| 20. | G-f2 | M-c6 |
| 21. | M-e2 | BxB |
| 22. | BxB | B-b5 |
| 23. | K-e4! | GxB |
| 24. | K-g5 | GxG asah |
| 25. | TxG | T-d6 |
| 26. | T-e1 | M-b6 |
| 27. | K-e4! | T-d4 |
| 28. | K-f6 asah | R-h8 |
| 29. | MxB! | |

Kebanyakan pengulas berpendapat yang gerak ini memeranjatkan Fischer kerana sekarang 29. . . , T-d1 nampak memperolehi satu buah-chator. Sa-benar-nya Spassky bersedia dengan balasan yang baik ia-itu M-f7, mengancham MxB mat!

| | | |
|---|---|---|
| 29. | . . . | T-d6 |
| 30. | M-e4 | T-f8(?) |
| 31. | B-g5 | T-d2 |
| 32. | T(e1)-f1 | M-c7 |
| 33. | TxT! | KxT |
| 34. | M-d4! | T-d8 |
| 35. | K-d5 aras | R-g8 |
| 36. | T-f2! | K-c4 |
| 37. | T-e2 | T-d6 |
| 38. | T-e8 asah | R-f7 |
| 39. | T-f8 asah | Menyerah kalah. |

Hitam akhir-nya hilang Menteri.



### HURAIAN MASA'ALAH 31

Gerak permulaan yang bijak 7. G-d2! menyediakan petak g5 untok Kuda. Jika 1. . . ., B-b4 kemudian 2. G(d5)xB! sa-belum memburu Raja. 2. . . ., RxG; dan 3. M-b3 dan Hitam menyerah kalah kerana ia melihat 3. . . ., R-g6; 4. K-h4 asah, R-h5; 5. M-f3 asah, RxK; 6. R-h2 dan 7. B-g3 mat. Jika 1. . . ., G-b4; 2. GxB asah dan 3. M-b3; dan jika 1. . . ., M-a4; 2. G-b3, MxB(e4); 3. GxB asah, RxG; 4. K-g5 asah yang juga tidak ada harapan untok Hitam.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENOLONG PEGAWAI PENYELARAS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Penyelaras di-Jabatan Pelajaran Bahagian Majlis Pelajaran, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sa-bagai Guru. lepasan Maktab yang di-akui dan mempunyai pengalaman mengajar sekurang2-nya 5 tahun sama ada di-Bahagian Rendah/Menengah.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Tinggi Pelajaran/Higher School Certificate atau sekurang2-nya lulus 5 G.C.E. 'O' level dan boleh berbahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

c) Mengetahui selok belok pelajaran dan sistem pengajaran di-negeri ini.

d) Atau telah mempunyai pengalaman bekerja di-bahagian Majlis Pelajaran tertaalok kapada kelulusan para (b).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2-3 EB. 4 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428 - 1479-1530-1581-1632-1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Ogos, 1979.

(E/703/79 — Bil : 122/1979)

## SA-BAGAI PEMBANTU TEKNIK DI-JABATAN UKOR

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Jabatan Ukor, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah tamat Tingkatan V mempunyai sijil "Basic Land Surveying" yang di-keluarkan oleh Pusat Latehan Teknikal Brunei.

**Tugas2 :**

Tugas2 jawatan ini ada-lah untok mengendalikan sebarang kerja2 ukor, termasok-lah kerja2 luar dan kerja2 pejabat, yang akan di-tetapkan oleh Juru Ukor Agong termasok-lah bekerja di-mana2 tempat di-dalam Negeri.

Dalam sukatan gaji D.1-2 EB. 3-4-5 — $370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 13hb Ogos, 1979.

(E/1320/78 — Bil: 117/1979)

## P.W.D. TENDER NOTICES

### No. 117 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th July, 1979 for :—

12" PIPE LAYING FROM JERUDONG DAM TO JERUDONG POLO FIELD.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 118 OF 1979

FRESH Tenders will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th July, 1979 for :—

RE-ROOFING OF BRUNEI-MUARA DISTRICT OFFICE, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 119 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th July, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF PROPOSED CATERING SCHOOL AT P.L.T.B., JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 120 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th July, 1979 for :—

RE-ROOFING AND REPAIR WORKS TO DEWAN MAJLIS AT BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 121 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 24th July, 1979 for :—

SUPPLY AND DELIVERY OF 2,000 CU. YDS. CRUSHER-RUN ROADSTONE TO THE BRUNEI GOVERNMENT RICE PROJECT SITE AT IMMANG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 122 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 31st July, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF R.C. STORM DRAIN AT MILE 3, JALAN BERAKAS BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 123 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 31st July, 1979 for :—

THE CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND ANCILLARY WORKS AT ACCESS ROAD TO THE STAFF HOUSING FOR PLACE OF DETENTION, OFF JALAN TUTONG MILE 10, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 124 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 31st July, 1979 for :—

PROPOSED NEW STORE BUILDING AND ANCILLARY WORKS AT MUARA PORT BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Di-Jabatan Pelajaran, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan yang di-akui dalam bidang perpustakaan;

ATAU

b) Mempunyai kelulusan lima Perengkat 'O' dalam pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya dua tahun;

ATAU

c) Mempunyai kelulusan tiga Perengkat 'O' dalam pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya selama lima tahun;

ATAU

d) Pemohon2 yang tidak mempunya' kelayakan yang di-sebutkan dalam (a), (b) atau (c), tetapi mempunyai pengalaman yang luas dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya lapan tahun dan pernah mengikuti sesuatu kursus dalam bidang perpustakaan akan di-anggap satu kelayakan untok di-pertimbangkan.

e) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kelulusan Perengkat 'O' dalam pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran bagi dua bahasa (termasok Bahasa Melayu).

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB.3 — $944-982 - 1033 - 1071 - 1109-1148 - 1186 - 1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428 / EB / 1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEGAWAI PERPUSTAKAAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus lima mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya; dan

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan;

ATAU

c) Lulus tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya; dan

d) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang-nya selama satu tahun;

ATAU

e) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya selama 5 tahun dan pernah mengikuti sesuatu kursus dalam bidang perpustakaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $625-657-689 - 720 - 752-784 /EB/854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Ogos, 1979.

(E/651/79 — Bil: 120/1979)

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION OF PROPOSED LECTURE THEATRE/CINEMA, BERAKAS CAMP**

TENDERS will be received by the Chairman of Board Tenders Board from registered Electrical Contractors Class 'A' only up to 12.00 noon, 7th August 1979 for :—

ELECTRICAL INSTALLATION OF PROPOSED LECTURE THEATRE/CINEMA, BERAKAS CAMP.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a Tender Deposit of $500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bonafide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 7th August 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—"Tender for Electrical Installation of Proposed Lecture Theatre/Cinema, Berakas Camp.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of State Financial Officer, Ground Floor of the Gopernment Offices, Brunei, up to 400 p.m. on 26th July 1979 for the supply of 5 units of motor cycles CIF Brunei with the following specifications:

a) Type 100 cc, petrol, with spare parts available in Brunei.

b) Painted in Post Office red.

c) To be fitted with 2 plastic or leather bags for mail beside the rear wheel with the word "POS" painted in white letterings.

2. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

3. The envelope must be addressed to the Chairman, Tenders Board at the address shown above. Envelopes are to be marked "Tender For Postal Motor Cycle".

4. Tenders received after the date and time specified above will be rejected.

5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Penolong Pengawas Pakaian dan Solek

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Penolong Pengawas Pakaian dan Solek di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman professional yang berkaitan sekurang2-nya selama sa-tahun serta mempunyai diploma dari institiut latehan yang di-iktiraf.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — B$625-657-689-720 - 752-784 /EB/854-880-905-931-956 - 982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb Ogos, 1979.

(E/471/76 — Bil: 121/1979)

## Sa-bagai Nelayan Di-Jabatan Perikanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Nelayan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah sebaik2-nya berumor di-bawah 40 tahun dan hendak-lah mempunyai pengalaman menangkap ikan dan ilmu pelayaran di-dalam Kapal Penyelidek dan Latehan. Pemohon2 mesti-lah juga mempunyai kemahuan yang kuat untok belajar chara2 menggunakan perkakas dan teknik2 menangkap ikan yang moden.

**Tugas2 :**

Berkerja dalam Kapal Penyelidek dan Latehan K/P Lumba-Lumba sebagai nelayan dan menjalankan tugas2 sebagaimana yang di-arahkan oleh Ketua Kapal tersebut. Salah satu dari jawatan tersebut akan di-penohi oleh sa-orang Tukang Masak/Nelayan yang akan bertanggong-jawab untok memasak apabila kapal tersebut belayar di-laut. Semasa kapal tersebut tidak belayar, nelayan2 tersebut akan di-tugaskan memperbaiki pukat2 dan menjalankan lain2 tugas yang bersangkut paut dengan perjalanan kapal tersebut sebagaimana yang di-arahkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Ogos, 1979.

(E/1792/77 — Bil: 125/1979)

## DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGERI BRUNEI DI-BANDAR SERI BEGAWAN DALAM MUFLIS BIL. 3 TAHUN 1979

**Berkenaan Dengan :** TANG POU HIENG
No. 5, Ground Floor,
Cathay Building,
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan,
BRUNEI ... ... ... Judgment Debtor

**Pemohon :** SHAK TSHIN FAH @ BERNARD SHAK
407 Bangunan Guru-Guru Melayu
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan,
BRUNEI. ... ... ... Judgment Creditor

**PEMBERITAHUAN MENERIMA PERENTAH**

Menerima Perentah di-buat pada : 19hb. Jun, 1979.
Tarikh dan Tempat Perbicharaan Pertama : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Pemereksaan Awam : Akan di-beritahu kelak.
Tarikh Hukuman (jika ada) : —

**Perhatian :** Semua perkara2 hutang yang akan di-bayar kapada harta mesti-lah di-bayar kapada saya.

Bertarikh hari ini 30hb. Jun, 1979.

**Charlie Foo**
**Pegawai Penerima**
**Mahkamah Tinggi**
**Negeri Brunei.**

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI JURUTRENGKAS MELAYU

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sebagai Jurutrengkas Melayu di-Jabatan Pelajaran bagi bertugas dalam Majlis Pelajaran.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.
b) Lulus Trengkas dan Menaip Peringkat Tertinggi.
c) Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang terendah dari (a) tetapi mempunyai pengalaman2 yang luas dalam kerja2 Trengkas dan Menaip sa-kurang2-nya 3 tahun atau lebeh akan di-anggap sa-bagai suatu kelayakan untok di-pertimbangkan.
d) Pengalaman berkerja dalam urusan2 'Sulit' akan di-sifatkan sa-bagai suatu kelebehan.

Dalam sukatan gaji D. 3 EB.4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Ogos, 1979.

(E/446/59 — Bil: 124/1979)

## Di-Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri daripada raayat DYMM Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. PENGAWAS BAR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 35 tahun dan sekurang2-nya berada di-dalam Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang berpengalaman akan di-beri keutamaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYAMBUT MESS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 35 tahun dan sekurang2-nya berada di-dalam Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang berpengalaman akan di-beri keutamaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PELAYAN MESS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 35 tahun dan sekurang2-nya berada di-dalam Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang berpengalaman akan di-beri keutamaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Ogos, 1979.

(E/536/79 — Bil . 118/1979)

## Sa-bagai Ketua Jururawat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Ketua Jururawat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) S.R.N. dari Singapura atau Malaysia atau dari lain2 negeri yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England.
b) Sijil Perbidanan Division I dari Federation of Malaysia atau dari Singapura atau yang sebanding dengan-nya.
c) Sebaik2--nya, tetapi tidak semesti-nya, pemohon hendak-lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu untok melaksanakan tugas2 mereka.
d) Keutamaan akan di-beri kapada kakitangan yang sedang berkhidmat.

**Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat sekurang2-nya salama 10 tahun sa-bagai Jururawat Staff, sebaik2-nya dalam semua bidang kerja2 jururawat.

**Tugas2 :**

Am, Perubatan, Pembedahan Perbidanan dan rawatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 11 — $1390-1454-1517 - 1581 - 1670 - 1734-1798-1862-1925-1989/EB/ 2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb September, 1979.

(E/62/61/2 — Bil. 127/1979)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

**SERIAL No. 23(AC)79**
**AIR CONDITIONING INSTALLATION (RETENDER)**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A & B air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 31st July, 1979 for the :—

X-RAY DEPARTMENT AND PATHOLOGY LABORATORY GENERAL HOSPITAL, BRUNEI

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, X-Ray Department and Pathology Laboratory, General Hospital, Brunei.'
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the Office of the Chief Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender Deposit is $200.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**SERIAL No. 32(CL)/1979**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Cable Laying Contractor, Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday, 7th August, 1979 :—

PROPOSED HIGH TENSION CABLE LAYING FROM MILE 2 SUBSTATION TO MILE 8, 66KV SUBSTATION, JALANG TUTONG

Tender documents and all particulars may be seen at the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque, refundable only to all unsuccesful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Tuesday 31st July, 1979 for the supply of the following mail bags:—

a) 1000 air mail letter bags with 'D' rings, in nylon blue cloth marked in white "air registered post, Brunei 1979" size 23" x 14½".
b) 1000 air mail letter bags with 'D' rings, in nylon blue cloth marked in white "air registered post, Brunei 1979" size 28" x 18½".

2. Tenders with cloth specimen must be submitted in plain sealed envelope with no indication of the name and address of the tenderer and should be addressed to :—

The Chairman,
Tenders Board,
Government Offices,
Brunei

clearly marked "Tender for mail bags."

3. The date of delivery of these items and the CIF price Brunei of each should be clearly indicated.
4. Specimen mail bags described in this Tender Notice are available for examination on application to the General Post Office Brunei during normal office hours.
5. Tenders received after the time and specified above will not be considered.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SA-BAGAI PEMANDU TINGKAT I DI-JABATAN KASTAM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat I di-Jabatan Kastam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Memegang lesen memandu kelas 3 dan 5,
b) Umor tidak kurang dari 21 tahun,
c) Boleh membaiki kerosakan kechil.

**Tugas2 :**

a) Khas-nya memandu di-samping memelihara kenderaan Jabatan dan kadang2 di-kehendaki bertugas di-luar waktu kerja pejabat biasa, dan
b) Bersedia bertugas di-daerah2 lain.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 4-5 EB. 6 — $389-395-402-408-414-427-440 /EB / 453-465-478-491-504-516. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb September, 1979.

(E/70/74 — Bil: 128/1979)

### KENYATAAN TAWARAN KANTIN MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PEMBORONG2 Tempatan ada-lah di-pelawa untok menguruskan perkhidmatan kantin Maktab yang tersebut di-atas kira2 dalam tempoh 2 tahun mulai dari tarikh yang akan di-tetapkan kemudian.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat pada 24hb Julai, 1979 hari Selasa jam 12.00 tengah hari.
3. Semua tawaran hendak-lah di-hantarkan dengan sampol surat tertutop dengan menulis sampol surat itu "TAWARAN KANTIN MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, JABATAN HAL EHWAL UGAMA".
4. Wang pendahuluan mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar sa-banyak $50.00 ka-Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Tingkat Pertama pada bila2 masa waktu bekerja biasa hingga 23hb Julai, 1979 jam 3.00 petang.
5. Jika Pemborong2 ingin mendapatkan penerangan2 yang lebeh lanjut mengenai dengan sharat2 tawaran tersebut dan sa-umpama-nya, maka Pengetua Maktab yang berkenaan di-Batu 1½, Jalan Tutong boleh-lah di-hubongi.
6. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sa-umpamanya.

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Class B Contractor's by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon Tuesday 7th August 1979 for :—

MINOR ALTERATIONS TO THE EXISTING GUARD ACCOMMODATION AT THE ISTANA DARUL HANA.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

MINOR ALTERATIONS TO THE EXISTING GUARD ACCOMMODATION AT THE ISTANA DARUL HANA.

5. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Thursday 19th July 1979 during normal working hours.
6. The tender deposit will be $200.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders to be on the approved form.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Pengawas Pemeliharaan Mesin

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengawas Pemeliharaan Mesin di-Jabatan Perchetakan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah tahu menjaga dan membaiki Mesin2 Perchetakan buatan "Heidelberg", baik dari jenis Letterpress mahu pun Offset, Mesin Pemotong Kertas jenis "Polar" Mesin2 Penjilid jenis 'Muller Martini".

Pemohon2 yang pernah di-lateh di-Pusat Latehan Heidelberg (Germany) dan Pusat Latehan Muller-Martini (Switzerland) akan mempunyai sa-suatu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2-3 EB. 4. — $1071 - 1109 - 1148 - 1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428-1479 - 1530 - 1581 - 1632 - 1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Julai, 1979.

(E/176/78 — Bil : 103/1979)

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

**LOT 55**

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 20th of July 1979.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 55 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 19th of July, 1979.
7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| Serial No. | Item | Qty |
|---|---|---|
| 1. | Outboard Engine 55HP | 4 |
| 2. | Outboard Engine 50 HP | 56 |
| 3. | Outboard Engine 40HP | 5 |
| 4. | Outboard Engine 25HP | 2 |
| 5. | Outboard Engine 20HP | 5 |
| 6. | Outboard Engine 18HP | 1 |
| 7. | Outboard Engine 15HP | 1 |
| 8. | Timber base and Sensor | 1 |
| 9. | Duplicator | 3 |
| 10. | Fuel Tank | 41 |
| 11. | Air Compressor | 1 |
| 12. | Machine Crushing Spent Cases | 1 |

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Construction of new extension to Labour Department, BSB — Aw Tengah bin Hassip — $63,619 — 4 months.
2. Cleansing of Public Works Department, Customs and Marine Departments — Messrs Hii Chua Tin — $1,800 per month.
3. Extension to Poultry Processing Unit — Aw Tengah bin Hassip — $14,300 — 6 weeks.
4. Construction of Veterinary Pathological Laboratory — Dato Hj Hamidoon & Anak2 — $20,600 — 2 months.
5. Air conditioning installation at Outpatients Department, General Hospital—Paramount (B) Pte Ltd—$54,616.40.
6. Supply of rattan furniture to RBMR — Maya Marketing Co — $73,350.
7. Electrical installation at alterations to Outpatients Department, General Hospital — Auto Electric Co — $38,100.
8. Extension to existing Fisheries Field Station at Jalan Muara — Jackton Const & Dev Co — $72,160 — 10 weeks.
9. Security fencing at radar head site, International Airport — Borneo Chain Link Fencing Factory — $178,335 — 11 weeks.
10. Construction of District Office Carpentry Workshop and Administrative Office at Jalan Old Airport — Lian Heng Ltd — $874,291 — 7 months.
11. Electrical installation for proposed athletic field at Berakas Camp — Lee Jong Elec Co — $21,621 — 6-7 months.



TUAN Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson.

# Hubongan Persahabatan Brunei-Britain bertambah erat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, telah menyembahkan uchapan salam sejahtera bagi kemakmoran dan kebahagiaan Negeri Brunei, bersempena menyambut ulang-tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33, dari Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen, di-Istiadat Mengadap, di-Lapau sini pagi Ahad lepas.

Dalam perutusan-nya itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen menyakinkan bahawa Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan United Kingdom itu telah mengeratkan lagi persahabatan antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan United Kingdom.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British dalam sembah uchapan-nya menyatakan bahawa beliau telah beruntong dapat menghadhirkan diri di-Istiadat Menanda-Tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Anglo-Brunei di-antara Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan Menteri Negara British, Lord Goronwy Roberts serta di-hadhiri oleh Putera Michael dalam bulan Januari tahun ini. Menurut-nya, di-istiadat itu Lord Goronwy Roberts telah menyatakan yang hasil perjanjian itu akan mengeratkan lagi persahabatan Brunei dan United Kingdom.

Kata-nya, Lord Goronwy Roberts juga menyatakan keyakinan-nya negeri jiran akan menyambut baik serta menguchapkan tahniah kapada Negeri Brunei yang akan menuju ka-arah kemerdekaan sepenoh-nya dalam lingkongan negara Komonwel.

Keyakinan Lord Goronwy Roberts, tambah beliau telah terbokti, apabila Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah menerima uchapan2 tahniah dari negara2 jiran saperti; Malaysia, Singapura, Indonesia, Jepun, Australia, New Zealand dan Belgium.

"Uchapan tahniah di-boktikan lagi dengan kunjongan ka-Brunei sa-bagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia, oleh Menteri Luar-nya, Tengku Ahmad Rithauddeen", jelas Tuan Yang Terutama itu.

Dalam sembah uchapan keshukoran itu Awang Watson, juga mengambil kesempatan untok menyembahkan uchapan kegembiraan-nya di-atas Istiadat Perkahwinan Diraja, minggu lalu yang menurut-nya Istiadat Perkahwinan Diraja itu memberikan kesempatan kapada raayat di-Brunei termasok beliau sendiri mendampingkan diri dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan Kerabat2 Diraja, bagi menambah seri-nya lagi istiadat perkahwinan tersebut.

"Patek juga amat sukachita antara jemputan khas di-Perkahwinan Diraja itu termasok-lah Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan Perdana Menteri Malaysia, Dato Hussein Onn, yang telah sanggup meluangkan masa mereka semata2 untok menunaikan jemputan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan pada megutamakan lagi nilai2 persahabatan dan persaudaraan. Patek perchaya ini merupakan sa'at2 yang bersejarah bagi Brunei; kerana dua orang Perdana Menteri Komanwel yang ulong telah menghadhiri Istiadat Perkahwinan Diraja", tambah Tuan Yang Terutama itu lagi.

## Tahniah dari D.Y.M.M. Baginda Queen

"Dengan sukachita Beta menguchapkan salam sejahtera bagi kemakmoran dan kebahagiaan negeri Paduka Adinda bersempena Hari Puja Usia Paduka Adinda. Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan United Kingdom telah mengeratkan lagi persahabatan antara kedua negara, ia-itu Brunei dan United Kingdom".

Elizabeth Regina.

# *Raayat menjunjong tinggi atas kejayaan Kerajaan D.Y.M.M.*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom yang telah selamat sempurna di-tanda-tangani, yang baru lalu itu, ada-lah merupakan satu sejarah yang baru dalam perhubongan di-antara kedua buah negara untok meneruskan serta memperkukohkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang mesra lagi rapat yang terjalin lebeh dari satu kurun.

Peristewa yang amat bersejarah itu sangat2-lah mengembirakan hati seluroh raayat dan pendudok yang tinggal dan bernaong di-negeri ini di-samping menjunjong sa-tinggi2-nya akan kejayaan yang telah di-chapai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam rundingan2 Baginda dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen.

Ini telah di-sabdakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah, di-Majlis Mengadap di-Lapau, Ahad lepas, sa-laku wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Menteri2, sempena Menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33.

Antara lain kandongan sabda uchapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah itu: "Ampun beribu ampun, dengan berkat dan daulat serta kebijaksanaan pimpinan yang ikhlas Kebawah Duli Paduka Kekanda dan Kerajaan Paduka Kekanda, raayat Negeri Brunei darussalam sangat2-lah menjunjong tinggi akan kejayaan yang telah di-chapai oleh Kebawah Duli Paduka Kekanda dalam perundingan2 dengan Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Queen sa-hingga selamat sempurna-nya di-tanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom pada 7hb Januari, 1979, jam 2.00 petang di-Lapau, Bandar Seri Begawan.

"Kerana Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom yang telah di-tanda-tangani itu ada-lah merupakan satu sejarah yang baru dalam hubongan di-antara Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dengan Kerajaan Paduka Kekanda; yang mana sunggohpun Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama itu akan membolehkan Negeri Brunei menchapai sa-mula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh merdeka lagi berdaulat dalam tempoh lima tahun yang akan datang — tetapi ia juga bertujuan untok meneruskan serta memperkukohkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang mesra lagi rapat yang terjalin lebeh dari satu kurun di-antara Kerajaan Negeri Brunei dengan Kerajaan United Kingdom.

"Memang-lah di-sedari bahawasa-nya kemerdekaan akan menambahkan lagi bebanan dan tanggong-jawab kapada raayat dan pendudok Negeri Brunei, khas-nya pegawai2 yang di-amanahkan untok mengendali dan menguruskan pentadbiran Kerajaan Negeri Brunei; tetapi alhamdulillah, dengan ada-nya kesedaran dan ranchangan2 yang lebeh awal yang telah di-susun bagi mengadakan persiapan2 dan persediaan2 yang berhubong dengan-nya, maka ada-lah di-perchayai bahawa keperluan2 dalam berbagai-bagai lapangan akan dapat di-perolehi dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

"Maka patek sa-bagai wakil Wazir2, Cheteria2, Kerabat2 Diraja dan Menteri2 sekalian dengan ini menyembahkan tahniah yang sa-tinggi2-nya di-atas kejayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Kekanda dalam perundingan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama tersebut sa-hingga ia selamat sempurna di-tanda-tangani dengan jaya-nya.

"Ampun beribu ampun, raayat dan pendudok negeri ini merasa bertuah dan bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t. kerana dapat bernaong dan bertedoh di-bawah pimpinan Kebawah Duli Paduka Kekanda dan Kerajaan Paduka Kekanda yang sentiasa mengambil berat akan kepentingan hidup mereka yang aman damai, makmor dan bersatu padu di-bawah panji2 Negeri Brunei Darussalam".

Dari muka 1

ka-arah chorak hidup Islam yakni yang berunsor menyatu-padukan seluroh raayat dan pendudok negeri ini.

"Di-atas unsor2 ini-lah insha Allah perhubongan Negeri Brunei dengan jiran2-nya dan dengan mana2 negara yang lain yang baik terhadap Negeri Brunei akan sentiasa di-asaskan," titah Baginda.

Terdahulu dalam titah itu Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menguchapkan terima kaseh kapada semua pehak yang menyembahkan uchapan selamat dan keshukoran sempena Hari Keputeraan Baginda itu.

# Kemajuan Negara

Dari muka 1

dan memerlukan supaya pehak2 swasta tidak akan keberatan untok menerima mereka itu dalam menyandang apa jua tugas dan tanggong-jawab yang berpatutan yang semesti-nya di-ambil-aleh oleh raayat Baginda menurut keupayaan dari satu masa ka-satu masa.

Mengenai dengan pertanian, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berdatang sembah bahawa usaha2 pada membiakkan binatang2 ternakan saperti ayam dan lembu telah mula dapat di-saksikan kejayaan-nya yang awal ia-itu merupakan antara usaha pehak swasta.

Menyembahkan mengenai dengan usaha pada menjamin keperluan makanan asas negeri ini, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja bersabda bahawa pada tahun ini Kerajaan telah bertawakkal kapada Allah Subhanahu Wata'ala untok melancharkan penanaman padi sachara besar2an yang hasil awal penanaman itu nampak-nya besar kemungkinan akan mendapat kejayaan.

Tentang kemajuan sekim bantuan kewangan dan pimpinan bagi projek kechil dan sederhana, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyembahkan bahawa sambutan raayat sunggoh menggalakkan dan telah banyak membawa kebajikan kapada mereka yang bersunggoh2 menyertai-nya.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar yakin bahawa dengan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ranchangan ini seterus-nya akan dapat menyebabkan timbul-nya ahli2 perniagaan yang berkaliber di-kalangan raayat Baginda yang berkaitan pada menikmati kemakmoran negara.

Di-samping menyembahkan kemajuan2 itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menyembahkan keshukoran dari raayat dan pendudok negeri ini dan banyak2 menjunjong kaseh ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Keluarga Diraja kerana telah dapat menyaksikan dan meraikan Perkahwinan Diraja dan berdo'a mudah2an Pengantin Diraja itu sentiasa mendapat kebahagiaan.

Di-sembahkan juga oleh Yang Amat Mulia itu tentang betapa raayat dan pendudok negeri ini sekali lagi bershukor atas kornia Allah Subhanahu Wata'ala sa-orang puteri kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah.

Sa-lain dari itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menyentoh mengenai dengan lawatan2 yang di-buat oleh pelawat2 kenamaan dari luar negeri yang terdiri dari Konsul2 atau wakil2 Kerajaan asing yang sentiasa berhajat untok menambah muhibbah dan silatur-rahim ia-itu dasar yang Kerajaan Baginda sangat2 mengamalkan-nya.

Raayat juga, sembah Yang Amat Mulia, merasa gembira atas keberangkatan ka-Brunei Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Pahang dan Permaisuri Baginda (sekarang menjadi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia).

Yang Amat Mulia itu menyembahkan bahawa walaupun lawatan Baginda itu bukan sa-chara rasmi namun keberangkatan itu telah menggembirakan raayat dan pendudok negeri ini yang juga telah meninggalkan kesan yang baik.

Menyembahkan tentang lawatan YAB Perdana Menteri Tuan Lee Kuan Yew dari Singapura dan Menteri2-nya dan YAB Perdana Menteri Dato Hussein Onn dan Menteri Luar Malaysia, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mensifatkan-nya sa-bagai satu sejarah bagi Negeri Brunei.

Ini ada-lah pada menandakan sa-bagai satu ingatan muhibbah serta kemesraan jiran2 tetangga yang mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-bawah pimpinan bijaksana Baginda sentiasa mengamalkan-nya.

(Sabda Yang Amat Berhormat Menteri Besar sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 4).

## Upachara Perbarisan di-Tutong

PEKAN TUTONG. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah Tutong pagi semalam untok memereksa barisan dan menerima tabek Kehormatan sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-33 tahun bagi daerah itu.

Upachara pagi itu di-ikuti dengan Istiadat Mengadap dan menyembahkan uchapan keshukoran dari pendudok2 daerah Tutong di-Dewan Kemasharakatan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.